



EG

ELECTRONIC GOVERNMENT 2013





EG

**ELECTRONIC
GOVERNMENT**
2013

Sidang Redaksi

PENASIHAT

Datuk Wira Omar Kaseh
Ketua Pengarah

KETUA EDITOR

Dato' Dr Nor Aliah Mohd Zahri
Timbalan Ketua Pengarah (ICT)

EDITOR

Parmjit Kaur
Pengarah Bahagian Pembangunan dan
Pengurusan EG

PEMBANTU EDITOR

Norzaman Nordin
Siti Noorasmah Hashim
Yee Chen Hua

PEMBANTU PENERBITAN

Ganeshwari Balakrishnan
Nurul Ayuni Juhari
Norasikin Abd Wahab

KERAJAAN ELEKTRONIK 2013
© Hakcipta MAMPU 2013



Kandungan

Electronic Government 2013

PERUTUSAN KETUA SETIAUSAHA NEGARA	6
PERUTUSAN KETUA PENGARAH MAMPU	8
PENGENALAN	10

MERAKYATKAN PERKHIDMATAN AWAM (G2C)

1Malaysia Training Centre (1MTC)	14
1Malaysia One Call Centre (1MOCC)	17
myIDENTITY	19
Sistem e-Faraid	21
MyRELA	22
Sistem Pengurusan Pesakit (SPP)	24
Sistem eRating	26
myEmail	28
Automated Enforcement System (AES)	29
Sistem Informasi Rangkaian Perikanan (SIRIP) Online	31



MEMPERKASAKAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN AWAM (G2G)

Peluasan <i>National Enterprise-Wide Statistical System</i> (NEWSS)	36
Perkhidmatan <i>Public Key Infrastructure</i> (GPKI) Sektor Awam	39
Sistem <i>Knowledge Resource for Science and Technology Excellence</i> (KRSTE.my)	41
<i>Digital Document Management System</i> (DDMS)	43
Projek Metro-E	44
Pusat Data Sektor Awam (PDSA)	46
1GovCloud	47
Perkhidmatan Rangkaian 1Gov*Net	48
EG Service Desk	50
Pangkalan Data Ukur Kadaster Digital Kebangsaan (NDCDB)	51
<i>Digital Asset Management and Distribution System</i>	53
myGov Mobile	55

- 58 Peluasan Malaysia Governance, Risk dan Compliance (MyGRIC)
- 61 Malaysia Trustmark Sektor Awam (MTSA)
- 62 Program *Reskilling, Redeploy and Replacement* (3R)
- 63 Peluasan mySTAR
- 64 Pemantauan Pembangunan Perkhidmatan Online Kerajaan
- 65 Aplikasi *Real Time Performance Monitoring* (RPM)
- 66 Projek Rintis Pemantapan Penyampaian Perkhidmatan Online Melalui Kios Smart *Intelligent Panel* (SIP) dan *Touchscreen Surface Panel*
- 68 Projek MyMesyuarat Fasa 2
- 70 Integrasi OpenHIS Dengan Sistem Pengurusan Pesakit (SPP)
- 71 Pemantauan Pengemaskinian Laman Web/Portal Agensi Kerajaan



KE ARAH PERSEKITARAN MESRA PERNIAGAAN (G2B)

- 76 Peluasan *Government Regional Electronic Advancement Transformation* (G.R.E.A.T.)
- 80 NextGen ePerolehan
- 81 Sistem Pemberitahuan Secara Sukarela Karya Hak Cipta
- 84 Sistem *Intellectual Property* (IP) *Journal*
- 86 *SME Competitiveness Rating to Enhancement* (SCORE)
- 89 Pembangunan Projek MyCoID



GETTING TO THE NEXT LEVEL OF SMART GOVERNMENT

- 94 *Government Enterprise Architecture* (1GovEA)
- 97 *Data Leakage Protection* (DLP)
- 98 1GovSearch
- 101 1Government Single Sign On (1GovSSO)



FINALIS ANUGERAH INOVASI ICT (AIICT) 2013

- 105 Finalis Anugerah Inovasi ICT (AIICT) 2013
- 106 Sistem Pengurusan Wabak Denggi (SPWD)
- 108 Teknologi Perbankan Ejen Bank Berdaftar (EBB)
- 110 Sistem Perlesenan dan Penguatkuasaan - eLesen
- 111 TV Sena : Studio Multimedia dalam Pendidikan
- 113 *Public InfoBanjir*



PROGRAM-PROGRAM PROMOSI

- 118 Keratan Akhbar
- 122 Temubual Televisyen/Radio
- 128 Program-Program Promosi

PENGHARGAAN



Bismillahirrahmanirrahim.
Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan
Salam "1Malaysia: Rakyat Didahulukan,
Pencapaian Diutamakan".

Cabaran global dan domestik serta peningkatan ekspektasi rakyat menuntut Kerajaan melaksanakan perubahan yang besar terhadap dasar dan strategi pembangunan negara serta mekanisme pelaksanaannya. Berlandaskan falsafah induk "1Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan" yang merentasi dasar-dasar Kerajaan iaitu Program Transformasi Kerajaan (GTP), Program Transformasi Ekonomi (ETP), Model Baru Ekonomi (MBE) dan Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10), fokus Kerajaan tertumpu kepada inisiatif dan usaha

meningkatkan serta memperkasakan sistem penyampaian perkhidmatan awam. Langkah ini untuk memastikan perkhidmatan awam lebih kompetitif, bernilai tinggi, berdaya kreatif dan inovatif bagi memenuhi ekspektasi rakyat yang sentiasa menuntut pembaharuan. Inisiatif dan usaha Kerajaan dipacu seiring dengan enam prinsip asas yang digariskan oleh YAB Perdana Menteri iaitu Cepat, Tepat, Integriti (CTI) dan Produktiviti, Kreativiti, Inovasi (PCI) yang perlu dipraktikkan secara berterusan oleh seluruh penjawat awam agar *outcome* atau impak perkhidmatan yang diberikan adalah signifikan dan terus relevan kepada rakyat.

Bagi menyahut cabaran ke arah mentransformasikan perkhidmatan awam, Kerajaan telah melaksanakan pelbagai inisiatif dan projek melalui pemanfaatan dan pementapan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) yang berperanan sebagai *strategic enabler* ke arah perkhidmatan yang melangkaui ekspektasi rakyat. Antara inisiatif yang telah dilaksanakan ialah perkhidmatan *online* Kerajaan seperti semakan saman dan pembayaran cukai yang terbukti telah berjaya meningkatkan keupayaan dan kecekapan penyampaian perkhidmatan awam kepada rakyat. Kerajaan juga telah memperkenalkan Strategi Lautan Biru Kebangsaan atau *National Blue Ocean Strategy* (NBOS) yang merubah paradigma bekerja secara silo kepada hubungan kerjasama strategik merentasi agensi. *Rural Transformation Centre* (RTC), *Urban Transformation Centre* (UTC), *1Malaysia Training Centre* (1MTC) dan *1Malaysia One Call Centre* (1MOCC) merupakan antara projek yang telah berjaya dilaksana menggunakan pendekatan baharu dengan kos yang munasabah, memberikan nilai tambah serta pantas untuk dilaksanakan.

Selain daripada usaha-usaha tersebut, Kerajaan juga komited dalam melaksanakan pelbagai inisiatif di bawah Pelan Strategik ICT Sektor Awam seperti *Government Cloud Computing*, Pusat Data Sektor Awam (PDSA), *Government Unified Communication*, *Service Intelligence (SI)*, *Digital Document Management System (DDMS)* dan *myMesyuarat*. Inisiatif-inisiatif ini merupakan projek permulaan atau *entry point projects* Bidang Keberhasilan Utama Ekonomi (NKEA) di bawah Kandungan, Komunikasi dan Infrastruktur dan NKEA Perkhidmatan Perniagaan.

Menyedari hakikat perkembangan dunia komunikasi tanpa batasan yang telah menjadi gaya hidup masa kini, Kerajaan telah mengorak langkah untuk membangunkan *myGov Mobile* iaitu inisiatif yang telah membuka satu dimensi baharu dalam sistem penyampaian perkhidmatan awam. Melalui inisiatif ini pelbagai perkhidmatan dapat dicapai melalui peranti elektronik pada bila-bila masa dan di mana sahaja. Penyediaan aplikasi-aplikasi sedemikian jelas menunjukkan keprihatinan Kerajaan dalam menyediakan perkhidmatan terbaik kepada rakyat melalui pemanfaatan ICT. Kerajaan sedaya upaya meletakkan diri sebagai rakyat agar perkhidmatan yang disediakan benar-benar dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh rakyat.

"Bagi menyahut cabaran ke arah mentransformasikan perkhidmatan awam, Kerajaan telah melaksanakan pelbagai inisiatif dan projek melalui pemanfaatan dan pemantapan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) yang berperanan sebagai "strategic enabler" ke arah perkhidmatan yang melangkaui ekspektasi rakyat"

Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada MAMPU kerana telah berjaya menerbitkan sebuah buku yang memuatkan pelbagai inisiatif ICT Kerajaan. Selain mempromosikan inisiatif-inisiatif Kerajaan, penerbitan ini juga merupakan salah satu usaha yang dapat melonjak semangat agensi-agensi Kerajaan untuk menyahut cabaran bagi menjayakan inisiatif ICT selaras dengan hala tuju strategik ICT negara.

Tan Sri Dr. Ali bin Hamsa
Ketua Setiausaha Negara
Jabatan Perdana Menteri

Disember 2013



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Kegemilangan dan Salam "1Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan".

Malaysia sedang mengorak langkah ke arah merealisasikan hasrat negara untuk mencapai status negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Selaras dengan itu, peranan perkhidmatan awam pada masa kini perlu diperkasakan bagi menangani cabaran baru yang semakin kompleks. Cabaran yang diharungi merupakan natijah daripada gelombang perubahan globalisasi yang disemarakkan lagi oleh perkembangan pesat teknologi maklumat dan komunikasi (ICT). Perkembangan teknologi pada hari ini telah mengubah segala bentuk kefahaman, amalan, akses serta budaya yang mendasari hubungan di antara rakyat dan Kerajaan.

Menyedari bahawa ICT memainkan peranan yang besar dalam usaha transformasi negara, Inisiatif Digital Malaysia telah diperkenalkan bagi memenuhi ekspektasi rakyat yang mahukan perkhidmatan lebih mudah, cepat dan berintegriti. Inisiatif ini merupakan inisiatif yang diketengahkan seiring dengan Program Transformasi Kerajaan (GTP), Model Baru Ekonomi (MBE), Program Transformasi Ekonomi (ETP), Program Transformasi Politik (PTP) dan Program Transformasi Luar Bandar (RTP).

Pelaksanaan inisiatif ICT negara berteraskan kepada tiga paksi utama iaitu merakyatkan perkhidmatan awam, memperkasakan perkhidmatan awam dan ke arah menyediakan persekitaran mesra perniagaan. Justeru itu, penerbitan Buku EG 2013 ini menampilkan projek-projek ICT yang telah dan sedang dilaksanakan berasaskan tiga paksi utama ini, antaranya

1Malaysia One Call Centre (1MOCC), 1Malaysia Training Centre (1MTC), 1Gov*Net, Digital Document Management System (DDMS), MyCOID dan Government Regional Electronic Advancement Transformation (G.R.E.A.T.). Selain itu, inisiatif-inisiatif baru di bawah NKEA turut dimuatkan dalam buku ini seperti 1Government Enterprise Architecture (1GovEA), Data Leakage Protection (DLP), 1GovSearch dan 1Government Single Sign On (1GovSSO) sebagai persediaan negara untuk pelaksanaan konsep *smart government*.

"Malaysia sedang mengorak langkah ke arah merealisasikan hasrat negara untuk mencapai status negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Selaras dengan itu, peranan perkhidmatan awam pada masa kini perlu diperkasakan bagi menangani cabaran baru yang semakin kompleks."

Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi ucapan penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan penerbitan buku ini. Semoga buku ini menambahkan lagi repositori ilmu sektor awam untuk dimanfaatkan oleh penjawat awam khususnya dan rakyat amnya.

Datuk Wira Omar bin Kaseh

Ketua Pengarah

Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU)

Jabatan Perdana Menteri

Disember 2013

Pengenalan slogan "1Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan" oleh YAB Perdana Menteri telah secara tidak langsung telah mengubah lanskap penyampaian perkhidmatan awam ke arah yang lebih cekap, cepat dan efisien. Kerajaan sentiasa dituntut untuk berfikir di luar norma kebiasaan dan berani mencuba sesuatu yang baharu serta berupaya menuju ke tahap kejayaan yang lebih tinggi dari apa yang ada sekarang. Justeru, dalam usaha mendakap hasrat ini, pelbagai inisiatif ICT baru telah diperkenalkan bagi memudahkan cara dan menambah baik tahap perkhidmatan yang disediakan sekaligus melangkaui ekspektasi serta harapan rakyat.



Pelaksanaan inisiatif-inisiatif ICT ini ternyata memberi pelbagai kesan ke atas pertumbuhan ekonomi, kecekapan, ketelusan dan akauntabiliti Kerajaan. Oleh itu, Kerajaan telah merancang pelaksanaan ICT yang menyeluruh agar penggunaannya dapat mempertingkatkan sistem penyampaian perkhidmatan yang memberi manfaat kepada Kerajaan, rakyat dan sektor perniagaan.

YAB Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd Najib Bin Tun Haji Abdul Razak telah menggariskan enam (6) prinsip iaitu Cepat, Tepat, Integriti (CTI) dan Produktiviti, Kreativiti, dan Inovasi (PCI). Seiringan dengan itu, prinsip CTI dan PCI ini menjadi dasar kepada pembangunan inisiatif-inisiatif ICT yang dapat mempercepatkan dan mempermudah sistem penyampaian perkhidmatan awam serta berintegriti.

Bagi memastikan ICT terus menyumbang dan menjadi peneraju dalam mengurus perdanakan sistem penyampaian



"Bagi memastikan ICT terus menyumbang dan menjadi peneraju dalam mengurus perdanakan sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan, adalah perlu pendekatan *Smart Government* dalam membangun projek ICT secara holistik dan bersepadu"

perkhidmatan Kerajaan, adalah perlu pendekatan *Smart Government* dalam membangunkan projek ICT secara holistik dan bersepadu. Pendekatan seperti *1Government Enterprise Architecture (1GovEA)*, *1Government Single Sign On (1GovSSO)*, *1GovSearch* dan *Data Leakage Protection (DLP)* akan membawa tranformasi penyampaian perkhidmatan Kerajaan ke arah e-Gov 3G yang merupakan transformasi ICT Kerajaan generasi ketiga. Usaha-usaha pembangunan dan pelaksanaan aplikasi baru oleh agensi-agensi Kerajaan juga turut menyumbang kepada keberkesanan pengurusan pentadbiran Kerajaan bagi memastikan mutu perkhidmatan awam terus meningkat di mata masyarakat.

Buku EG 2013 ini menerangkan usaha Kerajaan dalam mewujudkan produk dan perkhidmatan ICT demi menjamin kelestarian dan seterusnya memenuhi ekspektasi rakyat, memperkasakan perkhidmatan awam dan ke arah mesra perniagaan. Inisiatif bitara ICT yang memberi impak yang tinggi terhadap sistem penyampaian perkhidmatan awam ini juga menggambarkan usaha Kerajaan dalam mentransformasikan negara kita ke arah Wawasan 2020.



Kunjungan YAB Perdana Menteri
Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak
semasa *Digital Lifestyle Expo*
24 Ogos 2013

PERAHAN DOKUMEN
PERUNDINGAN BAGI PROJEK
AN INFRASTRUKTUR PUSAT ICT
BAGA LADA MALAYSIA

DISA... MEH
JOS... NTUL... LAUN
DI... RDA



Majlis Penyerahan Dokumen Perkhidmatan
Perundingan Projek Naik Taraf Infrastruktur ICT
Lembaga Lada Malaysia
2 Ogos 2013

Merakyatkan Perkhidmatan Awam (G2C)



MERAKYATKAN PERKHIDMATAN AWAM (G2C)

1MALAYSIA TRAINING CENTRE (1MTC)

1MTC merupakan ilham YAB Perdana Menteri Malaysia, Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak yang telah diumumkan semasa pembentangan Bajet 2010 untuk menggalakkan semua Institut Latihan Awam (ILA) berkongsi kemudahan sedia ada dengan agensi-agensi Kerajaan, sektor swasta dan orang awam.

Paradigma baru berasaskan perkongsian fasiliti latihan ini merupakan langkah bijak Kerajaan untuk membuka fasiliti latihan di ILA yang tidak digunakan pada masa-masa tertentu untuk kegunaan kementerian dan agensi-agensi lain tanpa sebarang kos. Hanya bayaran nominal 50% daripada harga sebenar dikenakan kepada orang awam dan sektor swasta.

Pelaksanaan 1MTC menuntut pendekatan yang inovatif dan kreatif dalam penyampaian perkhidmatan Kerajaan untuk memberikan impak yang tinggi dengan kos yang paling efektif dan dilaksanakan dalam masa yang paling singkat. Pendekatan ini sejajar dengan kaedah amalan Strategi Lautan Biru Kerajaan (NBOS) untuk mendapatkan *quick-wins* dalam penyampaian perkhidmatan Kerajaan. Menurut



Pelancaran 1MTC oleh YB Datuk Entulu anak Belaun, Menteri di Jabatan Perdana Menteri sempena Persidangan Ketua Pegawai Maklumat (CIO) dan Malaysian Government Open Source Software (MYGOSSCON) 2013 pada 10 Disember 2013

Tan Sri Dr Ali bin Hamsa, Ketua Setiausaha Negara, NBOS dapat meningkatkan kerjasama antara agensi Kerajaan dengan pelaksanaan program yang berkos rendah, berimpak tinggi dan dilaksanakan dengan cepat.

Inisiatif ini diterajui bersama oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) dengan Unit Perancang Ekonomi (UPE). Rakan-rakan strategik lain adalah Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Kewangan, Jabatan Perkhidmatan Awam, Kementerian Pertahanan, Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kementerian Belia dan Sukan, *One Malaysia For Youth* (IM4U) dan semua ILA. Kolaborasi strategik dan sumbangan daripada semua agensi adalah kunci kepada kejayaan dalam merealisasikan projek ini. Mendapatkan *buy-in* dari semua ILA merupakan satu pencapaian yang besar dan faktor kritikal dalam menjayakan projek 1MTC.



Rajah 1 : Laman Portal 1MTC

Dengan memanfaatkan teknologi semasa sebagai *enabler*, Portal 1MTC telah dibangunkan untuk menyediakan perkhidmatan tempahan fasiliti dan kursus serta pembayaran secara atas talian. Kaedah ini dapat menyumbang kepada pencapaian matlamat Kerajaan untuk memastikan 90% daripada semua perkhidmatan Kerajaan dilaksanakan secara atas talian menjelang akhir tahun 2015.

Melalui portal ini, ILA boleh mengoptimumkan penggunaan kemudahan latihan dan kursus-kursus sedia ada. Projek ini juga menawarkan alternatif kepada semua pengguna untuk mengurangkan penggunaan kemudahan swasta yang mahal. Pada masa ini, terdapat lebih daripada 300 ILA di sektor awam menyediakan latihan pra perkhidmatan, dalam perkhidmatan dan kursus kepada orang awam. Apabila siap sepenuhnya, portal ini dijangka akan menawarkan lebih daripada 100,000 kursus yang merangkumi 23 bidang seperti sains dan teknologi, kewangan, undang-undang, pertanian, pembangunan sistem dan lain-lain. Di samping itu, terdapat hampir 2,000 fasiliti di ILA seperti auditorium, bilik kuliah, bilik mesyuarat, dewan, makmal, kemudahan sukan dan lain-lain yang ditawarkan oleh ILA di Portal 1MTC. Program promosi dan pengurusan perubahan akan dipergiatkan untuk memberi kesedaran serta meningkatkan penggunaan Portal 1MTC.

Pelaksanaan projek ini bermula dengan lima (5) ILA perintis iaitu Institut Tadbiran Awam Negara, Institut Latihan Islam Malaysia, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, *Centre for Instructor & Advanced Skill Training* (CIAST) dan Institut Penilaian Negara. Konsep Portal 1MTC yang telah dirancang dan dilaksanakan dalam tempoh enam (6) minggu adalah merupakan satu pencapaian yang besar dalam pembangunan portal. Portal 1MTC telah dilancarkan secara *soft launch* pada 17 Disember 2012 oleh mantan Ketua Pengarah MAMPU, Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal. Kejayaan pelaksanaan projek 1MTC



Sesi Engagement Bersama Agensi yang telah diadakan pada 5 Februari 2013

di lima (5) ILA perintis telah membolehkan projek ini diperluaskan ke ILA yang lain. Sehingga kini, terdapat 346 ILA yang menawarkan perkhidmatan mereka melalui portal 1MTC. Kajian awal telah menunjukkan bahawa hanya 30% daripada ILA ini mempunyai sistem berkomputer untuk memudahkan pengurusan fasiliti dan kursus di ILA masing-masing. Portal 1MTC telah membantu Kerajaan untuk menjimatkan kos pembangunan sistem yang besar.

Bagi tujuan tempahan dan melihat kemudahan yang disediakan, orang ramai boleh mengakses portal ini melalui <http://www.1mtc.gov.my> pada bila-bila masa dan di mana sahaja menggunakan pelbagai peranti seperti komputer, telefon pintar, *tablet* dan sebagainya. Portal ini turut menyediakan kaedah pembayaran secara atas talian.

1MALAYSIA ONE CALL CENTRE (1MOCC)

1MOCC merupakan satu pusat panggilan setempat yang berfungsi untuk menjawab pertanyaan, aduan, cadangan dan maklum balas rakyat melalui panggilan telefon, sistem pesanan ringkas (SMS), faks, emel dan media sosial yang beroperasi 24 jam sehari, 7 hari seminggu.

Penubuhan 1MOCC mempunyai matlamat dan tujuan seperti berikut:

- i. Memudahkan komunikasi orang awam dengan agensi Kerajaan;
- ii. Menyediakan satu kaedah penyelesaian menyeluruh bagi pertanyaan, aduan dan cadangan; dan
- iii. Menambahbaik sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan dengan menyediakan perkhidmatan penggunaan satu nombor tunggal.





Pegawai khidmat pelanggan di Pusat Panggilan 1Malaysia (1MOCC)

Sejak ditubuhkan pada 12 November 2012, 1MOCC terus mengorak langkah dalam usaha merakyatkan penyampaian perkhidmatan sektor awam dengan memperluaskan perkhidmatan 1MOCC kepada 23 kementerian secara berperingkat mulai 15 Januari 2013 sehingga 10 Mei 2013.

Peluasan perkhidmatan 1MOCC kepada 23 kementerian ini telah memberi kesan kepada peningkatan dalam jumlah transaksi yang diterima daripada 11,321 pada



Pameran 1MOCC di Mini Kementerian Dalam Negeri, Jalan Duta, Kuala Lumpur

Disember 2012 kepada 127,216 pada Oktober 2013. Dengan pertambahan jumlah transaksi itu, jumlah PKP turut ditambah dari 100 kepada 253 orang. Dalam usaha mengekalkan tahap kompetensi dan prestasi agar terus cemerlang, mereka telah dihantar untuk menghadiri latihan-latihan yang berkaitan seperti *Contact Centre Team Management* (CCTM) dan *Lean Six Sigma* yang diiktiraf oleh industri. Di samping itu, sokongan pengurusan atasan turut memainkan peranan penting dalam memastikan prestasi dan kualiti perkhidmatan 1MOCC berada pada tahap yang membanggakan. Dalam tempoh yang singkat, 1MOCC telah berjaya merangkul anugerah *Service Innovation of The Year 2013* sempena Majlis Anugerah *FutureGov* Malaysia 2013 pada 5 Mac 2013.

Pada 10 Jun 2013, 1MOCC telah mula beroperasi di pusat panggilan yang baharu di Aras 4 Blok 12A, MAMPU Cyberjaya. Pusat panggilan yang baharu ini dibina mengikut spesifikasi pusat panggilan global yang dilengkapi dengan kemudahan seperti *Fishtank* yang berfungsi sebagai pusat pemantau setempat.

myIDENTITY

myIDENTITY membolehkan warganegara dan pemastautin tetap mencapai maklumat peribadi dan mengemaskini maklumat perhubungan semasa berurusan secara atas talian dengan agensi Kerajaan. Pelaksanaan inisiatif ini memudahkan individu kerana tidak perlu lagi memberikan maklumat peribadi yang sama berulang kali apabila berurusan dengan agensi kerajaan. Maklumat perhubungan merujuk kepada alamat surat-menyurat, alamat e-mel dan nombor telefon mudah alih. Projek Perintis myIDENTITY yang mula digunakan pada 14 Jun 2012 telah berjaya dilaksanakan di empat (4) agensi Kerajaan iaitu Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN). Projek ini seterusnya akan diperluaskan ke agensi Kerajaan yang lain secara berfasa.



Pelaksanaan myIDENTITY bertujuan untuk mentransformasikan penyampaian perkhidmatan Kerajaan agar menjadi lebih strategik, efektif dan cepat. Agensi Kerajaan dapat mencapai, mengemaskini dan berkongsi maklumat peribadi pelanggan melalui penggunaan repositori berpusat. Antara objektif projek ini adalah seperti berikut :

- i. Memudahkan perkongsian data asas individu dengan agensi pelaksana.
- ii. Memastikan data warganegara adalah tepat, terkini dan konsisten merentasi agensi Kerajaan.
- iii. Memudahkan individu apabila berurusan dengan agensi Kerajaan yang melaksanakan myIDENTITY dengan meminimalkan keperluan untuk memberikan maklumat yang sama berulang kali.
- iv. Mengurangkan masa transaksi dan keperluan agensi Kerajaan untuk mendapat serta memproses data pelanggan.

Terdapat empat (4) saluran perkhidmatan myIDENTITY iaitu melalui laman web, kaunter Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), kaunter agensi pelaksana dan melalui Sistem Pesanan Ringkas (SMS) seperti yang ditunjukkan dalam **Jadual 1** manakala **Jadual 2** menunjukkan perkhidmatan di agensi perintis yang telah melaksanakan myIDENTITY.

LANAM WEB	KAUNTER Jabatan Pendaftaran Negara	KAUNTER Agensi yang melaksanakan myIDENTITY	SMS
 • Mendaftar sebagai pengguna perkhidmatan dalam talian myIDENTITY • Menyemak maklumat peribadi • Mengemas kini maklumat perhubungan (Alamat Surat-menyurat Alamat E-mel dan Nombor Telefon Mudah Alih)	 • Mendaftar dan mengesahkan pengguna perkhidmatan dalam talian myIDENTITY • Menyemak maklumat peribadi • Mengemas kini/meminda maklumat peribadi • Mengemas kini maklumat perhubungan (Alamat Surat-menyurat Alamat E-mel dan Nombor Telefon Mudah Alih)	 • Mendaftar dan mengesahkan pengguna perkhidmatan dalam talian myIDENTITY • Menyemak maklumat peribadi • Mengemas kini maklumat perhubungan (Alamat Surat-menyurat Alamat E-mel dan Nombor Telefon Mudah Alih)	 • Menyemak maklumat peribadi

Jadual 1: Saluran perkhidmatan myIDENTITY

 Jabatan Pendaftaran Negara • Permohonan gantian MyKad • Permohonan cabutan kepada tribunal perkahwinan (Bukan Islam) • Permohonan salinan perakuan tribunal (Bukan Islam) • Permohonan cabutan kelahiran, kematian perkahwinan dan pengangkatan • Semakan status permohonan MyKad • Semakan status permohonan MyKid • Carian tarikh perkahwinan (Bukan Islam) • Semakan maklumat peribadi	 Jabatan Imigresen Malaysia • Permohonan pasport • Permohonan gantian pasport • Semakan maklumat peribadi • Pendaftaran dan pengesahan pengguna perkhidmatan dalam talian myIDENTITY • Pengemaskinian maklumat perhubungan  Lembaga Hasil Dalam Negeri • Perkhidmatan pendaftaran pembayar cukai dan kemas kini alamat • Semakan maklumat peribadi • Pendaftaran pengguna perkhidmatan dalam talian myIDENTITY • Pengemaskinian maklumat perhubungan	 Jabatan Pengangkutan Jalan • Perkhidmatan penguatkuasaan • Semakan maklumat peribadi • Pendaftaran pengguna perkhidmatan dalam talian myIDENTITY • Pengemaskinian maklumat perhubungan
--	--	---

Jadual 2 : Senarai perkhidmatan di agensi perintis myIDENTITY

Fasa kedua projek ini telah bermula pada Oktober 2013 dan dijadualkan selesai pada April 2015. Tujuh (7) agensi pelaksana yang telah dikenal pasti untuk fasa ini adalah Polis Diraja Malaysia (PDRM), Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP), Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA), Suruhanjaya Pilihanraya (SPRM), Jabatan Tenaga Kerja (JTK), Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN).

SISTEM e-FARAIID

Sistem e-Faraid adalah sistem pengurusan harta pusaka berasaskan web yang diguna pakai oleh Mahkamah Syariah seluruh Malaysia serta orang awam melalui modul e-Sijil (Modul Sistem Pengurusan/Pengiraan kes Faraid) dan k-Faraid (Modul Pembelajaran Secara Interaktif). Kedua-dua modul ini dilengkapi dengan paparan sistem berasaskan pendidikan kepada masyarakat.



Objektif pelaksanaan projek ini adalah seperti berikut :

- i. Melicinkan pengendalian kes berkaitan faraid secara tepat dan cepat di institusi Kehakiman Syariah;
- ii. Mewujudkan keseragaman pengurusan kes faraid di seluruh Malaysia dengan mengeluarkan format Sijil Faraid yang standard;
- iii. Memberi kefahaman ilmu faraid kepada masyarakat melalui komponen pembelajaran interaktif;

- iv. Meningkatkan kesedaran dan kefahaman ilmu faraid, nas atau dalil berkaitan serta prosiding kes faraid di Mahkamah Syariah; dan
- v. Memelihara kesinambungan ilmu faraid melalui perkongsian maklumat secara pintar/maya.

Projek Sistem e-Faraid telah mula dibangunkan pada 30 Ogos 2013 dan dijangka siap pada 29 Ogos 2016.

MyRELA

Sistem Maklumat RELA (iRELA) adalah di bawah tanggungjawab Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan telah digunakan di semua Pejabat RELA Negeri mulai tahun 2004. Pada tahun 2010, penggunaannya telah pun diperluaskan meliputi 14 RELA Negeri, 159 RELA Daerah dan 4 Pusat Latihan RELA.

Pada asalnya Sistem iRELA telah dibangunkan dan diselenggara secara *outsource*, walau bagaimanapun mulai Mei 2011 sistem ini diselenggara secara *inhouse* oleh Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat, KDN. Bagi memenuhi keperluan RELA untuk mencapai sasaran keahlian sebanyak melebihi 2.6 juta orang berakhir pada 31 Julai 2011, Bahagian Teknologi Maklumat telah menambah beberapa modul dan juga penambahbaikan bagi memastikan sasaran tersebut dapat dicapai oleh RELA. Walau bagaimanapun, didapati penambahan skop dan data yang semakin bertambah menyebabkan sistem tersebut tidak dapat berfungsi dengan baik dan tidak menepati tahap kepuasan pengguna. Bagi mencapai hasrat RELA untuk mempunyai satu sistem baru yang menyeluruh serta memenuhi keperluan semasa, Bahagian Teknologi Maklumat KDN telah membangunkan semula sistem tersebut secara dalaman (*inhouse*) dengan mendapatkan khidmat bantuan daripada



[Laman Utama](#)
[Permohonan Online](#)
[Semak Permohonan](#)
[Laman MOHA](#)
[Bantuan](#)



Sistem Pengurusan Maklumat
MyRELA

Jom masuk RELA !!!

Syarat
Semua warganegara Malaysia yang berumur 18 tahun ke atas adalah layak untuk menjadi seorang anggota RELA.

Selain itu, mereka mestilah sihat tubuh badan dan sedia berkhidmat dengan semangat kesukarelaan yang tulus.

Faedah

- Pakaian seragam operasi secara percuma.
- Peluang mengikuti kursus dan latihan secara percuma dengan dibayar elaun dan disediakan tempat penginapan dan makanan secara percuma.
- Meningkatkan peluang kerjaya dengan lain-lain agensi dan syarikat keselamatan.

Fungsi dan tugas RELA

- Kerjasama dengan pasukan keselamatan dan lain-lain agensi penguatkuasaan.
- Menjalankan aktiviti komasyarakatan dan siso-ekonomi setempat.
- Membangunkan modal insan melalui latihan yang bersesuaian.

Statistik

Jumlah User Login : 63
Jumlah Ali : 2097265
Jumlah Relawan : 1721250
Jumlah Relawan : 11/6006

ID Pengguna

No. Kad Pengenalan

Kata Laluan [Terlupa Kata Laluan?](#)

Login

Rajah 2 : Portal MyRELA

Pasukan Perundingan ICT Sektor Awam MAMPU. Pada 2 Februari 2012, satu Bengkel Penyelarasan Keperluan Untuk Sistem Baru RELA iaitu Sistem MyRELA yang diadakan di Pusat Latihan RELA Sabah.

MyRELA dibangunkan dengan matlamat untuk mewujudkan satu sistem bersepadu merangkumi permohonan keanggotaan RELA secara *online* dan maklumat bidang tugas semasa RELA.

Sistem MyRELA dibangunkan dalam dua fasa iaitu :

Fasa 1 (Februari - Disember 2012)

Fasa ini melibatkan tiga (3) Modul Utama iaitu Modul Pentadbiran, Modul Keanggotaan (Keahlian Biasa dan Kehormat) dan Modul Platun. Fasa ini telah siap sepenuhnya dan mula diguna pakai di Ibu Pejabat RELA, RELA Negeri, RELA Daerah dan Pusat Latihan mulai Januari 2013.

Fasa 2 (Julai 2013 - Disember 2013)

Fasa ini melibatkan dua (2) Modul Utama iaitu Modul Latihan dan Modul Penugasan. Fasa ini masih dalam peringkat pengaturcaraan dan dilaksanakan oleh sepenuhnya oleh Bahagian Teknologi Maklumat, KDN.


SISTEM PENGURUSAN PESAKIT (SPP)

SPP merupakan inisiatif Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi merealisasikan aspirasi perkhidmatan cemerlang dan efisien kepada para pelanggannya. Pembangunan aplikasi SPP bermula pada September 2007 berasaskan keperluan pengguna hospital KKM dengan menggunakan platform *Informix* (SPP versi 2.1) yang terdiri daripada Modul Pesakit Luar dan Modul Pesakit Dalam. SPP telah dilaksanakan secara perintis di Hospital Tuanku Jaafar (HTJ), Seremban dan Hospital Port Dickson (HPD), Negeri Sembilan pada Oktober 2008. Pada penghujung 2009, aplikasi SPP versi 2.1 telah dipertingkatkan ke versi *Open Source* yang dinamakan SPP versi 2.5. Pada Julai 2010, SPP telah dinaik taraf kepada versi 2.6 dengan penambahbaikan kepada modul *Discharge Summary* dan *Patient Management*. SPP versi 2.6 bagi Modul Pesakit Luar telah dilaksanakan di tiga (3) buah hospital iaitu Hospital Kuala Lumpur, Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang dan Hospital Kajang, Selangor.

Objektif projek ini ialah untuk memudahkan penyaluran perkhidmatan kesihatan sedia ada kepada pesakit dan orang ramai dengan menggunakan kemudahan teknologi maklumat dan komunikasi bagi meningkatkan keupayaan dan kecekapan hospital. Konsep Arkitektur SPP ditunjukkan dalam **Rajah 3**.

Antara faedah-faedah pelaksanaan SPP ialah :

- i. Rekod dan maklumat pesakit dapat dikongsi oleh pegawai kesihatan di mana pesakit mendapatkan perkhidmatan kesihatan;



Rajah 3 : Konsep Arkitektur SPP




Penggunaan Sistem Pengurusan Pesakit di hospital

- ii. Mendapat rawatan yang berterusan kerana rekod pesakit boleh dirujuk untuk rawatan selanjutnya;
- iii. Rawatan yang berkualiti kerana perkhidmatan berfokus kepada rawatan terhadap pesakit secara individu;
- iv. Pendaftaran pantas dan sekali sahaja mengguna MyKad/MyKid;
- v. Memudahkan urusan pemantauan dan kutipan tunggakan bayaran bil dan hasil hospital; dan
- vi. Pengurusan temu janji pesakit - melalui pewujudan roster, jadual temu janji mengikut tempoh yang boleh ditetapkan oleh setiap hospital dalam tempoh setahun.

Peningkatan ke atas aplikasi SPP diteruskan lagi dengan kerjasama dari *Multimedia Development Corporation (MDEC)*. Hasil kerjasama tersebut, pada pertengahan tahun 2011, SPP versi 3.0 telah dihasilkan. SPP versi 3.0 ini telah dilaksanakan di Hospital Raja Permaisuri Bainun, Ipoh, Perak pada Mac 2012.

KKM sedang merancang untuk menggunakan SPP versi 3.0 sebagai platform kepada Hospital Information System (HIS) bagi hospital Kerajaan dan akan dipertingkatkan dengan modul-modul lain terutama modul-modul klinikal dan sokongan klinikal untuk membangunkan satu aplikasi HIS yang menyeluruh. Projek *Integrated OpenHIS* telah mula dilaksanakan dan merangkumi modul *Laboratory Information System (LIS)*, *Central*



Rajah 4 : Aplikasi-aplikasi Sistem Pengurusan Pesakit

Sterile Supply Services Information System (CenSSIS) dan *Clinical Documentation (CD)*. **Rajah 4** menunjukkan aplikasi-aplikasi yang dibangunkan dalam SPP. KKM sedang melaksanakan peluasan SPP ke hospital KKM yang lain secara berperingkat mulai tahun 2013.

SISTEM eRATING

Sistem eRating yang telah dibangunkan oleh MAMPU secara dalaman (*inhouse*) merupakan satu sistem yang memberi kemudahan kepada pelanggan untuk membuat penilaian dan penarafan terhadap kualiti perkhidmatan petugas barisan hadapan dengan menggunakan aplikasi ICT. Sistem eRating akan meningkatkan ketelusan dalam kaedah penilaian kepuasan pelanggan kerana maklum balas daripada pelanggan dapat direkodkan dengan sistematik serta pelbagai laporan secara *realtime* dan *online* dapat dijana. Bagi memenuhi objektif tersebut, peranti *tablet* (*tablet PC*) digunakan untuk membolehkan penilaian dibuat oleh pelanggan terhadap perkhidmatan yang diberikan oleh petugas barisan hadapan dengan mudah, cepat dan efisien.

Sehingga November 2013, Sistem eRating telah diperluaskan di 25 agensi Kerajaan iaitu:

- i. Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU);
- ii. Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP);
- iii. Jabatan Pendaftaran Negara (JPN);

- iv. Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN);
- v. Jabatan Kastam Diraja Malaysia;
- vi. Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO);
- vii. Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ);
- viii. Jabatan Imigresen Malaysia (JIM);
- ix. Jabatan Insolvensi Malaysia;
- x. Pejabat Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan;
- xi. Klinik Kesihatan Kelana Jaya, Selangor;
- xii. Hospital Putrajaya;
- xiii. Majlis Perbandaran Alor Gajah, Melaka;
- xiv. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan ;
- xv. Biro Pengaduan Awam (BPA);
- xvi. Majlis Daerah Kuala Pilah, Negeri Sembilan;
- xvii. Pejabat Setiausaha Kerajaan Selangor;
- xviii. Jabatan Imigresen Sabah;
- xix. Universiti Malaysia Sabah;
- xx. Pejabat Setiausaha Kerajaan Pulau Pinang;
- xxi. Majlis Daerah Selama, Perak;
- xxii. Jabatan Pertanian Malaysia;
- xxiii. Majlis Perbandaran Pasir Gudang, Johor;
- xxiv. Jabatan Kebajikan Masyarakat WP Kuala Lumpur; dan
- xxv. Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya, Melaka.



MyEmail merupakan emel akaun rasmi yang mempunyai ID unik iaitu <no_ID>@myemail.my yang disediakan kepada rakyat Malaysia untuk berkomunikasi dengan Kerajaan. Objektif inisiatif MyEmail ialah untuk mengurangkan penggunaan kertas dan kos penghantaran bil, notis dan juga sebarang jenis penyata.

Secara ringkasnya, MyEmail adalah satu penyelesaian yang menukarkan sebarang jenis bil, notis dan penyata dalam bentuk fizikal kepada bentuk digital. Dengan ini, kos penghantaran akan menjadi lebih rendah berbanding kos penghantaran secara tradisional dan dipercayai ia dapat mengurangkan kos penghantaran sehingga 80%.

Berbanding perkhidmatan emel lain yang percuma, MyEmail menawarkan perkhidmatan komunikasi dengan pihak kerajaan iaitu *Government to Citizen (G2C)*. Ini membenarkan orang awam yang menggunakan perkhidmatan emel ini berhubung secara selamat dengan Kerajaan. Selain itu, kelebihan MyEmail berbanding emel percuma ialah ia mempunyai ID yang unik dan khas untuk rakyat Malaysia dan pendaftarannya memerlukan pengesahan identiti pengguna dengan pangkalan data Jabatan Pendaftaran Negara (JPN). Ia juga ditetapkan serta terjamin, dengan saluran satu pendaftaran kepada semua perkhidmatan *online* Kerajaan seperti eHasil dan pembaharuan lesen.

Sehingga kini, 25,000 pengguna telah berdaftar dengan perkhidmatan MyEmail. Portal MyEmail boleh dicapai di <http://www.myemail.my> seperti yang ditunjukkan dalam **Rajah 5**.

The screenshot shows the MyEmail portal interface. At the top, there is a header with the MyEmail logo on the left, navigation links 'Home', 'Community', and 'Promotions' in the center, and user information 'B. Melayu | English' and 'You are not logged in' on the right. Below the header, the main content area is divided into several sections. On the left, there is a large green envelope icon followed by the text 'Selamat datang ke myemail' and 'Emel untuk setiap rakyat Malaysia'. Below this, a paragraph explains the service. In the center, there is a green button labeled 'HomeSignupText'. On the right, there is a sign-in section titled 'SignInTitle' with fields for 'SignInMyEmailId' and 'SignInPassword', a 'forgotPasswordText' link, and a 'SignInButton'. At the bottom, there are three service tiles: 'Peti Mel Digital' (Digital Mailbox), 'E-Perkhidmatan' (E-Services), and 'tamtam CRM' (Customer Relationship Management).

Rajah 5 : Portal myEmail

AUTOMATED ENFORCEMENT SYSTEM (AES)

AES adalah satu sistem yang boleh mengesan dan merakam secara automatik sebaik sahaja kesalahan lalu lintas dikenal pasti dilakukan oleh pemandu kenderaan di jalan raya. Kesalahan-kesalahan yang dapat dikenal pasti oleh sistem ini adalah seperti melanggar lampu isyarat dan memandu melebihi had laju yang ditetapkan.




Rajah 6 : Pelaksanaan Sistem AES



Kamera AES yang beroperasi di Lebuhraya Seremban

Objektif utama pelaksanaan kamera AES oleh agensi penguat kuasa adalah untuk mengurangkan kemalangan dan kematian akibat kemalangan jalan raya di Malaysia. AES adalah merupakan usaha ke arah mencapai sasaran Pelan Keselamatan Jalan Raya 2006-2010 untuk mengurangkan kematian akibat kemalangan. Adaptasi sistem penguatkuasaan yang mapan (*sustainable*) merupakan usaha yang berterusan bagi mengubah sikap pemanduan pengguna jalan raya tanpa mengira kadar pertambahan kenderaan, pemandu atau kekangan penguatkuasaan. AES akan mengubah sikap, tingkah laku dan budaya pemanduan pengguna jalan raya di Malaysia.

Semua imej yang dirakam, disemak dan disahkan akan ditentukan kesalahannya sebelum saman dikeluarkan. Saman-saman yang dikeluarkan akan dihantar kepada pemilik berdaftar melalui pos berdaftar. Kesalahan lalu lintas seperti memandu melebihi had laju dan tidak mematuhi lampu isyarat boleh dikuatkuasakan dengan lebih berkesan menerusi AES kerana sistem ini boleh berfungsi secara automatik 24 jam sehari, tujuh (7) hari seminggu (24/7) dalam semua keadaan cuaca.



Rajah 7 : Imej yang dirakam oleh kamera AES

SISTEM INFORMASI RANGKAIAN PERIKANAN (SIRIP) ONLINE

SIRIP *Online* merupakan salah satu projek di bawah NKEA, CCI EPP8. Projek ini akan dilaksanakan oleh Jabatan Perikanan Malaysia yang merangkumi pembangunan aplikasi dan perolehan peralatan bagi :

- i. Pembangunan portal dan aplikasi *mobile* bagi SIRIP *Online*;
- ii. Penambahbaikan Sistem eBiosekuriti dan pembangunan Modul Permit bagi *The Convention on International Trade in Endangered Species (CITES)* dengan menggunakan teknologi *Radio-Frequency Identification (RFID)*; dan
- iiii. Pembangunan Modul Pembayaran secara *online*.

SIRIP *Online* merupakan satu sistem yang mengintegrasikan empat (4) sistem utama jabatan iaitu Sistem eBiosekuriti, Sistem eLesen, Sistem eAkuakultur dan Sistem eLatihan di dalam satu portal. Dengan menggunakan sistem ini, kumpulan sasar boleh mendapatkan maklumat tanpa perlu mengakses sistem jabatan yang berbeza. Sistem SIRIP *Online* ini boleh dicapai melalui laman sesawang di url <http://eservices.dof.gov.my> seperti yang ditunjukkan dalam **Rajah 8** dan turut

The screenshot shows the SIRIP Online portal interface. At the top, there's a blue header with the SIRIP logo and the text 'Sistem Rangkaian Informasi Perikanan, Jabatan Perikanan Malaysia'. Below the header, there's a navigation bar with links like 'Beranda', 'Tentang SIRIP', 'Layanan', 'Kontak', and 'Pusat Bantuan'. The main content area is divided into several sections:

- Pilihan Bahasa:** A dropdown menu showing 'Bahasa Malaysia'.
- Daftar Masuk:** A login section with fields for 'ID Pengguna' and 'Kata Laluan', and a 'Hantar' button.
- Laman Web Rasmi Jabatan Perikanan Malaysia:** A link to the official website.
- Mesej dari Ketua Pengarah Perikanan Malaysia:** A section for messages from the Director General of Fisheries.
- Bilangan Pengunjung 015739:** A counter showing the number of visitors.
- Sistem eLatihan:** A section for eTraining, offering courses and training materials.
- Sistem ePengembangan:** A section for eDevelopment, offering programs and services.
- Sistem eAkuakultur:** A section for eAquaculture, offering programs and services.
- Sistem eLesen:** A section for eLicensing, offering programs and services.
- Maklumbalas:** A feedback section for users to provide input.

At the bottom of the page, there's a footer with links to 'Utama', 'Penafian', 'Dasar Privasi', and 'Dasar Keselamatan', and a copyright notice for 'Hak Cipta © Jabatan Perikanan Malaysia'.

Rajah 8 : Portal SIRIP Online

menyokong aplikasi bagi peranti mudah alih. Projek ini dirancang untuk diselesaikan dalam tempoh satu (1) tahun dan dijangka siap pada akhir tahun 2014.

Melalui projek ini, kios-kios akan ditempatkan di Ibu Pejabat Perikanan, Pejabat Perikanan Negeri dan Daerah serta Pusat-Pusat Biosekuriti di seluruh negara yang terlibat menguruskan sistem-sistem ini. Melalui pelaksanaan kios mobil ini, kumpulan sasar dan pengguna di jabatan dapat melaksanakan aktiviti permohonan dan pendaftaran, semakan permohonan dan membuat notifikasi penyakit. Melalui sistem ini juga, bilangan celik IT di kalangan kumpulan sasar iaitu penternak, nelayan, industri perikanan, pengimport, pengeksport, pengusaha vesel dan pengguna di jabatan dapat ditingkatkan.

Pembangunan SIRIP *Online* ini adalah selaras dengan Pelan Strategik ICT (ISP) Jabatan Perikanan Malaysia bagi tahun 2011 - 2016. Berdasarkan ISP jabatan, aplikasi *Department of Fisheries Information System* (DOFIS) dicadangkan untuk dibangunkan di mana sistem ini akan mengintegrasikan semua sistem jabatan di dalam satu portal. Pembangunan SIRIP *Online* pada peringkat ini akan mengintegrasikan empat (4) sistem utama jabatan. Dalam jangka panjang, sistem-sistem jabatan yang lain akan turut diintegrasikan di dalam SIRIP *Online*.

Projek ini juga melibatkan penambahbaikan Sistem eBiosekuriti sedia ada dan pembangunan Modul Permit CITES dengan menggunakan teknologi RFID. Penaiktarafan sistem ini akan memudahkan aktiviti semakan status pendaftaran, audit, sijil kesihatan ikan, permit CITES dan lain-lain di pintu keluar/masuk negara dengan menggunakan peralatan ICT seperti RFID *Wireless Reader*. Dengan penggunaan RFID *Wireless Reader* ini, proses kerja yang dijalankan oleh pegawai jabatan serta Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) dapat dilicinkan di mana maklumat boleh dikemas kini terus secara *online*. Hasilnya, proses dan masa pemeriksaan 100% konsainmen dapat dipendekkan.

Selain daripada itu, pelaksanaan SIRIP *Online* juga dilengkapi pembangunan Modul Pembayaran *Online* jabatan yang bakal menyediakan perkhidmatan pembayaran Permit CITES secara *online* untuk permulaan. Melalui inisiatif ini, perkhidmatan *online* jabatan dapat ditingkatkan dan dipercepatkan tanpa perlu merujuk ke kaunter untuk tujuan pembayaran.



YBhg. Tan Sri Dr. Ali Hamsa,
Ketua Setiausaha Negara
menyampaikan ucapan
sempena Majlis Anugerah
Inovasi Sektor Awam (AISA) 2013
12 September 2013



YBhg. Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal,
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
menandatangani buku pelawat semasa
Majlis Pelancaran *National Digital Conference*
2 Julai 2013

Majlis Pelancaran e-Pembelajaran Sektor Awam (EPSA)
2 Julai 2013

Memperkasakan Penyampaian **Perkhidmatan Awam (G2G)**



MEMPERKASAKAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN AWAM (G2G)

PELUASAN NATIONAL ENTERPRISE-WIDE STATISTICAL SYSTEM (NEWSS)

Projek NEWSS merupakan inisiatif utama Jabatan Perangkaan Malaysia untuk memperkasakan sistem penyampaian perkhidmatan melalui ICT. NEWSS diintegrasikan secara bersepadu sebagai pusat sehenti maklumat perangkaan untuk rujukan awam.


Pembangunan NEWSS telah bermula pada Ogos 2008 dan siap sepenuhnya dalam tempoh 18 bulan. Ia mula beroperasi pada April 2010 melibatkan modul-modul di bawah *Integrated Statistical Systems Framework* (ISSF) dan *Information Support System* (ISS) seperti yang ditunjukkan dalam **Jadual 3**.

ISSF	ISS
i. Rangka Pertubuhan/ <i>Enterprise</i>	i. Sistem Pengurusan Pengetahuan
ii. Rangka Isi Rumah	ii. <i>Business Intelligent</i>
iii. Penyiasatan Pembuatan Bulanan	iii. Sistem Maklumat Geografikal
iv. Soal Selidik Ekonomi	iv. <i>Enterprise Portal</i>
v. Penyiasatan Tenaga Buruh	
vi. Klasifikasi Kod Berpusat	


Jadual 3 : Sistem-sistem di bawah ISSF dan ISS NEWSS Fasa I

Konsep dan arkitektur NEWSS adalah berasaskan ISSF dan ISS seperti yang diilustrasikan dalam **Rajah 9**.

Portal NEWSS dibangunkan bagi memudahkan orang awam mendapatkan maklumat perangkaan seperti yang ditunjukkan dalam **Rajah 10**.



Rajah 9 : Konsep Arkitektur NEWSS



Rajah 10 : Portal NEWSS

NEWSS mempunyai empat (4) objektif utama iaitu:

- Menyeragam, menyatu dan menambah baik sistem dan aplikasi sedia ada bagi menyokong keperluan strategik dan operasi Jabatan Perangkaan Malaysia;
- Mempermudah, memperkemas dan mempercepatkan proses penyebaran data statistik;





YBhg. Tan Sri Ali Bin Hamsa, Ketua Setiausaha Negara menyampaikan sijil penghargaan kepada Dr. Haji Abdul Rahman Bin Hasan, Ketua Perangkawan Malaysia sempena Majlis Penyampaian Anugerah Inovasi Sektor Awam 2011 pada 31 Oktober 2012 di Melaka *International Trade Center* (MITC)

- iii. Membentuk satu sistem/perekayasaan yang mengikut standard statistik bertaraf antarabangsa (pengurusan penyiasatan/banci dengan lebih efisien); dan
- iv. Mewujudkan *Central Repository* yang membolehkan dan memudahkan perkongsian data antara Jabatan Perangkaan Malaysia dan agensi Kerajaan.

NEWSS telah membolehkan Jabatan Perangkaan Malaysia dapat menyediakan data dengan lebih cekap, berkualiti, sahih, relevan dan mudah diakses bagi menilai kembali keberkesanan polisi Kerajaan yang berkaitan. Di samping itu, data pembuatan produk seperti petroleum, elektrik dan elektronik, minyak kelapa sawit dan ICT yang disediakan membantu pihak Kerajaan dalam Bidang Keberhasilan Ekonomi Negara (NKEA).

PERKHIDMATAN *PUBLIC KEY INFRASTRUCTURE* (GPKI) SEKTOR AWAM

GPKI disediakan oleh MAMPU untuk menjamin keselamatan data dan maklumat bagi aplikasi-aplikasi yang dilaksanakan dalam sektor awam. Sijil digital yang dibekalkan adalah mematuhi Akta Tandatangan Digital 1997 dengan tiga (3) tujuan penggunaan iaitu pengesahan identiti (*authentication*), penyulitan maklumat (*encryption*) dan tandatangan digital (*digital signature*). Maklumat penggunaan PKI adalah seperti yang ditunjukkan dalam **Rajah 11**.



Rajah 11 : Maklumat penggunaan PKI

Portal GPKI

Beberapa perkhidmatan yang boleh dicapai melalui Portal GPKI, di antaranya permohonan sijil digital, permohonan pembaca kad pintar, semakan status permohonan, penjaan laporan, pendaftaran pentadbir dan lain-lain. Semua pengguna Portal GPKI perlu melalui proses pendaftaran profil pengguna yang diuruskan oleh Pentadbir Portal GPKI. Portal GPKI boleh dilayari di alamat <https://gpki.mampu.gov.my>. Halaman utama Portal GPKI adalah seperti yang ditunjukkan dalam **Rajah 12**.



Rajah 12 : Halaman utama Portal GPKI


MAMPU selaku agensi yang menguruskan perkhidmatan GPKI secara berpusat akan menguruskan permohonan daripada agensi yang memerlukan perkhidmatan PKI melalui portal GPKI.

Aplikasi-aplikasi di agensi sektor awam yang telah menggunakan perkhidmatan PKI melalui Portal GPKI adalah Sistem Elektronik Perancangan dan Kawalan Belanjawan (eSPKB), ePerolehan, *Pensions Online Workflow Environment* (POWER), E-Syariah, eFiling, eKehakiman, Sistem Pemantauan Inisiatif RMK-10 (SPI), MyResults dan Sistem Goods and Services Tax (myGST).

SISTEM KNOWLEDGE RESOURCE FOR SCIENCE AND TECHNOLOGY EXCELLENCE (KRSTE.my)

KRSTE.my dibangunkan pada 2003 dengan objektif utama sebagai repositori kebangsaan bagi maklumat Sains, Teknologi dan Inovasi (STI). Pada tahun 2013, KRSTE.my telah berjaya menjadi pusat sehati untuk semua maklumat STI.

Pusat Maklumat Sains dan Teknologi Malaysia (MASTIC) sebagai peneraju sistem ini sentiasa berusaha untuk memastikan KRSTE.my menepati objektif yang telah ditetapkan serta menyumbang ke arah pembangunan negara dari aspek penyelidikan dan pembangunan STI. Sejak dibangunkan, KRSTE.my telah melalui beberapa fasa penambahbaikan. KRSTE.my kini sedang melalui satu lagi fasa penambahbaikan yang akan menjadikan KRSTE.my sebagai satu platform dan infrastruktur repositori serta perkongsian pengetahuan tunggal dalam negara bagi domain STI. Portal KRSTE.my adalah seperti yang ditunjukkan dalam **Rajah 13**.



Rajah 13 : Portal KRSTE.my

Objektif projek penambahbaikan KRSTE.my adalah untuk:

- Meningkatkan capaian kepada *knowledge base* yang lain dengan memanfaatkan teknologi *Linked Open Data Cloud*. Ini akan membolehkan hasil carian yang lebih relevan dengan meningkatkan lagi keupayaan carian metadata dan seterusnya memperluaskan lagi liputan *knowledge base* berdasarkan maklumat penyelidikan;
- Membantu penyelidik memperluaskan lagi peluang penyelidikan dengan membolehkan *data mining* bagi potensi kolaborasi penyelidikan. Berdasarkan maklumat penyelidikan yang ada pada seseorang penyelidik, sistem ini boleh mencari maklumat penyelidikan lain yang berkaitan dengannya. Sistem ini juga berupaya meningkatkan lagi kapasiti penyelidik untuk bekerjasama serta memperluaskan lagi domain penyelidikan mereka; dan

- iii. Mempermudahkan usaha pembuat keputusan untuk mengagihkan dana penyelidikan secara strategik kepada pemohon yang layak.

Secara keseluruhan, KRSTE.my akan menjana manfaat seperti berikut:

- i. Menjimatkan kos penyelidikan yang ditanggung oleh penyelidik bagi mendapatkan analisis paten dan terbitan ilmiah daripada pihak luar;
- ii. Sebagai rujukan maklumat tunggal berkaitan *Research Development* dan *Commercialisation* bagi STI dalam negara;
- iii. Memudahkan usaha perancangan pengagihan dana secara strategik dengan keupayaan analitikal dan seterusnya membantu pihak pembuat dasar membuat keputusan strategik dengan lebih tepat; dan
- iv. Memberi peluang yang lebih luas bagi menjalin kerjasama penyelidikan dengan penyelidik luar negara.

Berdasarkan perancangan, penambahbaikan KRSTE.my dijadualkan siap sepenuhnya pada Disember 2013.

Brosur promosi KRSTE.my adalah seperti yang ditunjukkan dalam **Rajah 14**.



Rajah 14 : Brosur untuk mempromosikan KRSTE.my

DIGITAL DOCUMENT MANAGEMENT SYSTEM (DDMS)

DDMS adalah satu sistem pengurusan fail secara elektronik yang akan diaplikasikan oleh semua agensi sektor awam pada masa akan datang.

DDMS adalah salah satu projek *National Key Economic Areas* (NKEA) di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP) dalam bidang *Communication, Content and Infrastructure* (CCI) EPP8: *e-Government*. Projek ini merupakan projek Kerajaan yang dikenal pasti untuk menyokong inisiatif *Paperless Government* ke arah meningkatkan akses, kelajuan dan ketelusan perkhidmatan Kerajaan melalui penggunaan teknologi ICT.

DDMS memberi impak yang besar kepada prestasi program transformasi Kerajaan kerana kejayaannya akan menukar lanskap sistem pengurusan rekod Kerajaan secara fizikal kepada rekod Kerajaan secara elektronik.

Pelaksanaan DDMS juga akan menjamin *institutional memory*, pengurusan rekod secara sistematik, penjimatan kos dan penggunaan aplikasi ICT yang sama di sektor awam. Aplikasi DDMS akan meliputi seluruh kitaran hayat rekod Kerajaan iaitu bermula dari peringkat pewujudan rekod hingga ke peringkat pelupusan rekod.





Senior Management Seminar Projek DDMS yang telah diadakan pada 13 hingga 14 Mei 2013 di Hotel Equatorial, Melaka


DDMS akan dilaksanakan secara *perintis* di MAMPU dan Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU) dan kedua-dua agensi perintis ini telah menjalani latihan penggunaan DDMS pada bulan November 2013. DDMS masih di peringkat *User Acceptance Test* (UAT) dan *Provisional Acceptance Test* (PAT) dan ia akan diperluaskan ke semua kementerian serta agensi Kerajaan secara berperingkat mulai tahun 2014.

PROJEK METRO-E

Projek Metro-E dilaksanakan bagi menyediakan infrastruktur tulang belakang kepada perkhidmatan Rangkaian Kampus Putrajaya (PCN). Objektif projek ini ialah untuk membangunkan PCN dengan menggunakan talian fiber optik yang berasaskan kepada teknologi *Gigabit Ethernet* (GE) dan reka bentuk *Metro-Ethernet* (Metro-E) untuk bangunan-bangunan Kerajaan yang baru di Putrajaya. Ini adalah bagi menyediakan kemudahan capaian ke *Internet* dan komunikasi elektronik antara agensi Kerajaan. Semua bangunan yang diduduki oleh agensi-agensi Kerajaan di *Presint 1* (Kompleks A, B, C, D dan E), *Presint 2*, *Presint 3*, *Presint 4* dan *Presint 5* dihubungkan kepada gerbang laluan PCN menerusi talian-talian fiber optik berteknologi Metro-E ini. Perkhidmatan Metro-E sedia ada menghubungkan 63 bangunan Kerajaan di Putrajaya kepada laluan utama PCN yang melibatkan 91 agensi Kerajaan dengan bilangan pengguna seramai 44,301 orang. *Service Level of Guarantee* (SLG) bagi perkhidmatan Metro-E adalah 99.5%.

Sebanyak enam (6) lokasi baru di Putrajaya perlu diintegrasikan dengan 1Gov*Net untuk memastikan semua lokasi baru dapat dihubungkan kepada Gerbang Laluan Utama PCN di Bangunan B8 dan Gerbang Laluan Kedua PCN di Bangunan 2M11 di Putrajaya. Ini adalah untuk meningkatkan capaian *Internet* dan komunikasi elektronik antara bangunan baru dan agensi Kerajaan yang lain.

Sehubungan dengan itu, sebanyak 11 talian perkhidmatan Metro-E perlu ditambah kepada rangkaian perkhidmatan sedia ada bagi menampung keperluan tambahan di



Rajah 15 : Sebelas talian baru Metro-E PCN

enam (6) lokasi baru seperti yang ditunjukkan dalam **Rajah 15**. Enam (6) lokasi tersebut pula adalah seperti yang ditunjukkan dalam **Jadual 4**.

Bil.	Bil Talian Metro-e	Bangunan Yang Terlibat	Tarikh Pemasangan Metro-e
1	1 x 155Mbps	PDSA, Cyberjaya	Januari 2013
2	2 x 155Mbps	2C1	April 2013
3	2 x 155Mbps	2C10	Jun 2014
4	2 x 155Mbps	4G5	Januari 2014
5	2 x 155Mbps	7G1	Januari 2017
6	2 x 310Mbps	Parcel F	Januari 2017

Jadual 4 : Lokasi talian perkhidmatan Metro-E

Projek perluasan Metro-E ke bangunan baru di Putrajaya telah mula dilaksanakan pada Januari 2013 untuk Bangunan 2C1 yang diduduki oleh Kementerian Wilayah dan Kesejahteraan Bandar, Bahagian Latihan, JPA, Majlis Sukan Wilayah Persekutuan dan Pejabat Ketua Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Putrajaya. Di samping itu, satu (1) talian Metro-E khas telah disambungkan kepada Pusat Data Sektor Awam di Cyberjaya ke Gateway kedua PCN.

PUSAT DATA SEKTOR AWAM (PDSA)

Dalam menjayakan Pelan Tranformasi Ekonomi Kerajaan, MAMPU telah diberi mandat untuk melaksanakan Projek EPP2-2, PDSA yang dibangunkan bertujuan untuk menyediakan satu platform yang seragam, bersepadu dan kos efektif bagi perkhidmatan pusat data agensi-agensi Kerajaan. Pembangunan PDSA melibatkan PDSA-1 (GDC-1) dan PDSA-2 (GDC-2). Dua (2) pendekatan telah diambil dalam pelaksanaan PDSA, iaitu:

- i. Pembangunan dan pengoperasian GDC-1 oleh pegawai Kerajaan secara *on-site*; dan
- ii. Pengurusan projek GDC-2 oleh syarikat secara *outsourced*.



GDC-1 mula beroperasi pada Jun 2012 dengan menyediakan beberapa perkhidmatan seperti *Server Hosting*, *Application Hosting* serta perkhidmatan *Cloud Computing* yang lebih dikenali sebagai 1GovCloud.

Pelaksanaan peringkat awal perkhidmatan GDC-1 melibatkan 20 agensi telah bermula semenjak awal tahun 2012. GDC-2 pula mula beroperasi pada Oktober 2012 yang melibatkan sebanyak 48 agensi untuk perkhidmatan pusat data dan juga Pusat Pemulihan Bencana (DRC).

Dengan terlaksananya projek PDSA, Kerajaan mensasarkan pengurangan sebanyak 20% dari kos pengoperasian pusat data, penjimatan ruang pejabat dan penggunaan ruang yang optimum serta meningkatkan tumpuan kepada pekerjaan teras bagi pegawai teknikal agensi.

Sehingga September 2013, sebanyak 45 agensi telah menggunakan PDSA GDC-1 manakala sebanyak 63 agensi telah menggunakan perkhidmatan PDSA GDC-2.

1GovCloud

1GovCloud merupakan perkhidmatan *Cloud Hosting* yang menyediakan sejumlah sumber (rangkaihan, *server*, storan dan sistem operasi) secara maya kepada agensi untuk diuruskan bagi menampung aplikasi yang dibangunkan berasaskan *private Cloud* (*Cloud Enable*). 1GovCloud merupakan salah satu perkhidmatan yang disediakan di Pusat Data Sektor Awam (PDSA).



Ucapan Perasmian YB Datuk Joseph Entulu anak Belaun, Menteri di Jabatan Perdana Menteri semasa Pelancaran 1GovCloud pada 1 Julai 2013.

Perkhidmatan 1GovCloud adalah berasaskan kepada *Infrastructure As A Service* (IaaS). Sehingga kini, terdapat sejumlah 250 aplikasi yang telah menggunakan perkhidmatan 1GovCloud di PDSA seperti 1MTC, Laman Web MAMPU, Portal MyRELA, e-Solat JAKIM dan sebagainya.

Pelancaran 1GovCloud telah dirasmikan oleh YB Datuk Joseph Entulu anak Belaun, Menteri di Jabatan Perdana Menteri pada 1 Julai 2013.


Perkhidmatan 1GovCloud yang disediakan oleh PDSA adalah seperti di **Rajah 16**.

	PERDANA	PERUSAHAAN	STANDARD
Model Perkhidmatan	Use As You Go	Use As You Go	Use As You Go
Penyimpanan	SAS	SATA	SATA
Masa Bekerja (SLA)	98.50% Muatan seimbang	97% HA	Usaha Terbaik
Sokongan Teknikal	24 x 7	24 x 7	8 x 5
Pemantauan Laporan Prestasi	Mingguan, Bulanan	Bulanan	Mengikut Permintaan
Perkhidmatan Sokongan	Gambar VM		
Memaparkan Semula	Suku Tahunan		

Rajah 16 : Perkhidmatan 1GovCloud yang disediakan oleh PDSA

PERKHIDMATAN RANGKAIAN 1Gov*Net

Di bawah Rancangan Malaysia Ke-10, MAMPU telah memperkenalkan 1Gov*Net bertujuan untuk menambah baik rangkaian ICT sektor awam melalui konsolidasi bagi mengoptimumkan penggunaan sumber serta meningkatkan kecekapan dan kualiti penyampaian perkhidmatan Kerajaan. 1Gov*Net merupakan satu Rangkaian Telekomunikasi ICT Bersepadu Kerajaan (*Government Integrated Telecommunication Network - GITN*) berkapasiti minimum 2 Mbps yang khusus, selamat dan diyakini untuk diguna pakai oleh semua agensi sektor awam. Rajah konsep adalah seperti di **Rajah 17**.



Rajah 17 : Konsep 1Gov*Net

Perkhidmatan 1Gov*Net meliputi:

- i. Pembekalan perkhidmatan rangkaian kawasan luas atau WAN kepada semua kementerian dan agensi Kerajaan di peringkat Persekutuan;
- ii. Kerja-kerja *integration*, *consolidation* dan *relocation* rangkaian;
- iii. Pengurusan penggunaan jalur lebar (*bandwidth*); dan
- iv. Perkhidmatan pilihan (*optional*) berkaitan rangkaian.

Perkhidmatan yang disediakan meliputi dua (2) elemen utama iaitu Perkhidmatan Utama (*Main Services*) dan Perkhidmatan Pilihan (*Optional Services*).

Perkhidmatan Utama merangkumi:

- i. Permohonan talian baru;
- ii. Perpindahan talian;
- iii. Naik taraf / turun taraf talian;
- iv. Penamatan talian;
- v. *Call Centre Management*;
- vi. *Helpdesk*; dan
- vii. Sistem Pemantauan 1Gov*Net (*Service Assurance Management System - SAMS*).


Manakala Perkhidmatan Pilihan pula terdiri daripada:

- i. Perkhidmatan Integrasi;
- ii. Perkhidmatan Konsolidasi;
- iii. Perkhidmatan Perpindahan;
- iv. Perkhidmatan *Bandwidth Optimization*;
- v. Perkhidmatan *Firewall*;
- vi. Rangkaian Dalaman (*Local Area Network Services (LAN)*);
- vii. Perkhidmatan *Content Filtering*;
- viii. Perkhidmatan *Remote Access*;
- ix. Perkhidmatan *Intrusion Prevention System (IPS)*;
- x. Perkhidmatan *High Service Level Guarantee*;
- xi. Perkhidmatan Teknikal dan Perundingan;
- xii. Perkhidmatan *Dedicated Internet Access*;
- xiii. *International Connectivity*;
- xiv. *Class of Services*;
- xv. *Bandwidth on Demand*; dan
- xvi. *Point to Point Services*.

Perkhidmatan EG *Service Desk* dibangunkan bagi menyediakan khidmat sokongan dan bantuan teknikal secara berpusat kepada pengguna perkhidmatan guna sama infrastruktur ICT untuk melaporkan masalah berkaitan isu rangkaian, perkakasan, perisian dan aplikasi. Perkhidmatan ini menyokong pengurusan perkhidmatan infrastruktur rangkaian dan pusat data yang merupakan asas kepada pelaksanaan sistem penyampaian Kerajaan secara elektronik.

EG *Service Desk* mengendalikan khidmat sokongan teknikal kepada 93 agensi Kerajaan bagi perkhidmatan Rangkaian Kampus Putrajaya (PCN), 48 agensi Kerajaan bagi perkhidmatan Pusat Data Sektor Awam (PDSA), pengguna MAMPU serta bantuan pertanyaan kepada pengguna *Public Key Infrastructure* (PKI). Perkhidmatan EG *Service Desk* juga turut dikendalikan oleh pasukan Portal Kerajaan Malaysia (<http://www.malaysia.gov.my>) bagi merekod dan menyelesaikan masalah dan permohonan yang berkaitan dengan Portal myGovernment dan myGovXChange. Pengguna boleh melaporkan masalah dan aduan melalui saluran telefon (03-8892 4000/4001/4002), emel (servicedesk@mampu.gov.my), laman web (<http://servicedesk@mampu.gov.my>) atau SMS ke 15888 (MAMPU SD ADUAN <ringkasan aduan/masalah/insiden> dan hantar ke 15888)).

Proses dan prosedur kerja EG *Service Desk* adalah berasaskan kepada konsep *Information Technology Infrastructure Library* (ITIL versi 2) yang menggariskan pendekatan terbaik dalam menyediakan perkhidmatan ICT. Statistik penerimaan tiket dan *service request* bagi tempoh Januari hingga September 2013 adalah seperti yang ditunjukkan dalam **Rajah 18**.



Rajah 18 : Statistik penerimaan tiket insiden dan *service request* bagi tempoh Januari - September 2013


PANGKALAN DATA UKUR KADASTER DIGITAL KEBANGSAAN (NDCDB)

NDCDB dibangunkan bertujuan untuk menyediakan infrastruktur dan info struktur berkaitan ukur kadaster yang bersepadu, berintegriti, *robust* dan fleksibel khususnya kepada pentadbiran tanah dan pembangunan negara.

Objektif NDCDB adalah untuk:

- i. Mempercepatkan sistem penyampaian ukuran hak milik tanah daripada dua (2) tahun kepada dua (2) bulan; dan
- ii. Membantu menjalankan ukuran halus bagi lot-lot tanah dan penyediaan Pelan Akui bagi pengeluaran hak milik tanah dengan menggunakan teknologi jalur lebar tanpa wayar, teknologi komunikasi dan maklumat (ICT), sistem maklumat geografi (GIS), sistem navigasi satelit global dan sistem ukur terkini untuk dilaksanakan di seluruh negara.

Pangkalan Data Ukur Kadaster Digital Kebangsaan (NDCDB) adalah seperti **Rajah 19** dan contoh penggunaan NDCDB adalah seperti yang ditunjukkan dalam **Rajah 20**.



Rajah 19 : Pangkalan Data Ukur Kadaster Digital Kebangsaan (NDCDB)



Rajah 20 : Contoh penggunaan NDCDB

Pewujudan pangkalan data ini merupakan projek peluasan dan pemerkasaan sistem ekadaster sedia ada supaya penggunaannya dapat dioptimumkan sepenuhnya. Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) melaksanakan transformasi kepada NDCDB untuk memenuhi kejituan yang telah ditetapkan supaya konsep *Survey Accurate Coordinate* dapat dioptimumkan dalam ukuran kadaster dan analisa yang menggunakan data lot kadaster dapat memberikan keputusan yang tepat.

Pada tahun 2011, sebanyak enam (6) buah negeri telah menggunakan NDCDB iaitu Perlis, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur / Putrajaya, Melaka, Pulau Pinang, Negeri Sembilan dan Wilayah Persekutuan Labuan. Manakala baki tujuh (7) negeri lagi iaitu Terengganu, Pahang, Kelantan, Johor, Selangor, Kedah dan Perak telah menggunakan NDCDB mulai 31 Disember 2012. Pada keseluruhannya, sebanyak 7,501,003 lot tanah telah ditingkatkan kejituannya ke tahap *Survey Accurate Coordinate*. Mulai 1 Januari 2013, pangkalan data ini telah diselenggarakan bagi tujuan memantapkan kejituan koordinat tanda-tanda sempadan.

Pada tahun 2012, sebanyak 190,573 lot tanah yang telah siap diukur menggunakan pangkalan data NDCDB. Manakala bagi setengah tahun pertama 2013, kerja-kerja ukur yang telah disiapkan adalah sebanyak 97,004 lot.

DIGITAL ASSET MANAGEMENT AND DISTRIBUTION SYSTEM

Digital Asset Management And Distribution System yang lebih dikenali sebagai MyCC4dWorld merupakan salah satu projek di bawah inisiatif NKEA EPP1 CCI - MyCreativeContent. Ia berperanan sebagai repositori aset digital berpusat dan hub pengedaran kandungan bahan digital (Audio, Video, Imej dan Dokumen) bernilai komersial di Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia. Projek ini melibatkan lima (5) agensi iaitu Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS), Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM), Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA), Jabatan Penerangan Malaysia (JPM) dan Arkib Negara Malaysia (ANM).



Objektif *Digital Asset Management and Distribution System* adalah seperti berikut:

- i. Mengumpul semua aset digital bahan agensi yang mempunyai nilai komersial melalui kaedah muat naik kandungan digital ke dalam repositori sepusat; dan
- ii. Menyediakan platform untuk perkongsian kandungan digital secara *online*.

Secara dasarnya, projek ini membantu merangsang pembangunan kandungan tempatan dan memudahkan penjualan di dalam dan ke luar negara dan seterusnya menjana pendapatan negara. Sasaran bagi jumlah muat naik bahan aset digital bagi tempoh tiga (3) tahun pertama adalah seperti di **Jadual 5**.


TAHUN	SASARAN MUAT NAIK TAJUK
2013	500
2014	10,000
2015	10,000

Jadual 5 : Sasaran muat naik bahan mengikut tajuk

Sehingga 31 Julai 2013, sebanyak 6913 bahan kandungan digital telah dimuat naik. Bahan-bahan ini merangkumi bahan daripada RTM, FINAS, BERNAMA, ANM dan JPM. Bahan-bahan popular yang dimuat naik ialah dari kategori drama, dokumentari dan bahan hiburan dalam bentuk video, salinan rakaman sesi temu ramah dengan tokoh-tokoh sejarah dalam bentuk audio, foto-foto peristiwa negara, foto tokoh-tokoh sejarah dan salinan perjanjian yang bernilai sejarah.


Digital Asset Management and Distribution System, kini lebih dikenali dengan nama **MyCC4dWorld**. Portal ini boleh dilayari di <https://www.mycc4dworld.com>

Projek myGov Mobile merupakan kesinambungan dari pelaksanaan mySMS 15888, iaitu Gerbang SMS Kerajaan yang mula dilaksanakan pada tahun 2008 dengan menyediakan saluran penyampaian perkhidmatan Kerajaan melalui saluran mudah alih. Kadar penembusan telefon mudah alih yang tinggi di Malaysia iaitu 141.6% sehingga Suku Tahun ke-4 2012 merupakan faktor utama yang mendorong kepada pelaksanaan myGov Mobile. Antara perkhidmatan Kerajaan yang dibangunkan melalui myGov Mobile adalah perkhidmatan *Short Messaging Service* (SMS), *Unstructured Supplementary Service Data* (USSD), *Multimedia Messaging Service* (MMS) serta aplikasi *mobile* (*Mobile Applications*). Konsep myGov Mobile adalah seperti yang ditunjukkan dalam **Rajah 21** di bawah.



Rajah 21 : Konsep gerbang myGov Mobile

Pembangunan aplikasi *mobile* untuk perkhidmatan agensi Kerajaan telah dimulakan oleh lima (5) agensi perintis iaitu Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Kementerian Pelancongan Malaysia (MOTOUR), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) dan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD). Bagi tahun 2012, tiga (3) aplikasi *mobile* iaitu myHEALTH, myJakim dan myTOUR telah dibangunkan dan dimuat naik ke *Mobile App Store* bagi pengguna *Android* dan *Apple iOS*. Ketiga-tiga aplikasi *mobile* ini menyediakan maklumat asas berkaitan produk atau perkhidmatan yang disediakan oleh agensi tersebut. Penggunaan teknologi *Global Positioning System* (GPS) membolehkan pengguna mengesan lokasi dan peta fasiliti yang disediakan oleh agensi berkenaan.



Rajah 22 : Arkitektur teknikal capaian data aplikasi *mobile*

myHEALTH

Aplikasi myGov *Mobile* (myHEALTH) dibangunkan di bawah Projek myGov *Mobile*, MAMPU dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) pada Disember 2011. myHEALTH telah dilancarkan oleh KKM pada 29 Jun 2012. Sebanyak enam (6) perkhidmatan utama disediakan melalui myHEALTH bagi membolehkan pengguna telefon pintar mendapatkan maklumat perkhidmatan kesihatan dengan cepat, di mana-mana sahaja. Enam (6) perkhidmatan utama aplikasi *mobile* myHEALTH adalah seperti yang ditunjukkan dalam **Rajah 23**.



myJAKIM

myJakim adalah satu aplikasi *mobile* yang dibina khusus untuk Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). myJakim berfungsi sebagai salah satu pusat setempat untuk pengguna merujuk pelbagai perkara berkaitan Islam. Sebanyak lapan (8) modul utama disediakan di bawah myJakim iaitu Info Solat, Kemusykilan Agama, Direktori Halal, Fatwa, Doa Harian, Logo Halal Diiktiraf, Khutbah Jumaat dan Yassin dan Tahlil seperti yang ditunjukkan dalam





Rajah 23 : Paparan enam (6) perkhidmatan utama aplikasi *mobile myHEALTH*



Rajah 24 : Paparan lapan (8) perkhidmatan utama aplikasi *mobile myJakim*

Rajah 24. Ia dilancarkan untuk pengguna *android* dan *iOS* pada Disember 2012.

myTOUR

myTOUR adalah satu aplikasi *mobile* yang dibangunkan bersama Kementerian Pelancongan Malaysia (MOTOUR) bagi membolehkan pelancong dalam dan luar negara mendapatkan maklumat destinasi pelancongan yang menarik di Malaysia. myTOUR memberi fokus kepada enam (6) perkhidmatan utama bagi pelancong untuk bercuti dan mengembara seperti memilih tempat penginapan, destinasi percutian, kedai makan terbaik di seluruh negara, aktiviti menarik sepanjang tahun, lokasi membeli belah dan juga maklumat berkaitan pelancongan. Perkhidmatan dalam aplikasi *mobile myTOUR* adalah seperti yang ditunjukkan dalam **Rajah 25**.





Rajah 25 : Paparan perkhidmatan dalam aplikasi mobile myTOUR

PELUASAN MALAYSIA GOVERNANCE, RISK DAN COMPLIANCE (MyGRIC)

myGRiC merupakan satu sistem untuk membantu MAMPU dan agensi mengukur pematuhan keselamatan ICT selaras dengan standard MS ISO/IEC 27001:2007 ISMS. Peluasan myGRiC membantu MAMPU memantau tahap keselamatan ICT di agensi dan aset-aset ICT Kerajaan serta padanan dasar yang diguna pakai secara *online*. Pelaksanaan myGRiC juga dapat meningkatkan tahap keyakinan pelanggan dan *stakeholder* ke atas perkhidmatan yang disediakan oleh agensi.

Objektif myGRiC adalah seperti berikut:

- i. Mengukur tahap pematuhan keselamatan ICT terhadap MS ISO/IEC 27001:2007;
- ii. Mengenal pasti jurang ketidakakuran;


- iii. Membuat perbandingan pematuhan;
- iv. Memberi cadangan pengukuhan ke atas infrastruktur ICT bagi meningkatkan pematuhan dan keselamatan ICT Kerajaan; dan
- v. Meningkatkan tahap keyakinan pelanggan dan *stakeholder* ke atas perkhidmatan yang disediakan oleh agensi.

Fungsi myGRiC adalah untuk melakukan imbasan teknikal melalui perisian *Control Compliance Suite (CCS)* dan *Enterprise Security Manager (ESM)*, soal selidik pematuhan dan memaparkan pengukuran atau pemarkahan melalui myGRiC *Dashboard* secara *online*. Tahap Pematuhan ditentukan berdasarkan permorkahan atau skor imbasan teknikal dan soal selidik pematuhan seperti yang ditunjukkan dalam **Rajah 26**.

Tahap pematuhan dapat diperoleh melalui myGRiC *dashboard* yang akan memaparkan dan menjana laporan pematuhan keselamatan ICT .

Outcome bagi projek myGRiC adalah seperti berikut:

- i. peningkatan tahap pematuhan agensi sektor awam secara *online*;
- ii. peningkatan tahap ketersediaan aset ICT berasaskan amalan terbaik dan standard MS ISO/IEC 27001:2007; dan
- iii. peningkatan keyakinan pelanggan dan *stakeholder* terhadap penyampaian perkhidmatan dan mewujudkan prasarana pematuhan keselamatan ICT.



Rajah 26 : Tahap pematuhan melalui myGRiC



Audit NKEA CCI EPP E-KERAJAAN bagi myGRiC di Jabatan Imigresen Malaysia dan Jabatan Pendaftaran Negara Malaysia di negeri Johor, Sabah, kedah dan Perlis pada 7, 12, 15 dan 16 April 2013.



Latihan *Champion* myGRiC yang telah diadakan pada 17 hingga 18 Jun 2013

MALAYSIA TRUSTMARK SEKTOR AWAM (MTSA)

MTSA telah dilaksanakan berdasarkan kepada keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri bertarikh 26 November 2010. Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) telah melantik MAMPU selaku Pengendali (*Operator*) dan Pengesah (*Certifier*) bagi pelaksanaan MTSA.



Mesyuarat Kemajuan Pelaksanaan MTSA yang dipengerusikan oleh Puan Marsineh binti Jarmin, Pengarah Bahagian Pematuhan ICT, MAMPU

Pada tahun 2013, MAMPU mensasarkan sebanyak 20 aplikasi e-Pembayaran Kerajaan bagi Pengurusan Pentauliah MTSA agensi sektor awam. Perkhidmatan Pengukuhan Aplikasi Pembayaran Secara *Online* bagi Pentauliah MTSA Tahun 2013 ini akan dilaksanakan oleh pembekal yang dipilih melalui tender.

Untuk Pengurusan Persediaan Pentauliah MTSA Tahun 2013, penilaian sendiri bagi 11 aplikasi e-Pembayaran Kerajaan telah dilaksanakan oleh sembilan (9) agensi yang terlibat. Ujian Penembusan bagi lapan (8) aplikasi melibatkan enam (6) agensi juga telah dilaksanakan oleh Pengesah MTSA.

MAMPU bersama-sama pihak terlibat sedang dalam semakan semula beberapa keputusan dasar mengenai pelaksanaan skim MTSA termasuklah aspek perundangan dan implikasi kewangan.

PROGRAM RESKILLING, REDEPLOY AND REPLACEMENT (3R)

3R adalah selaras dengan tanggungjawab MAMPU dalam melaksanakan projek-projek di bawah NKEA *Communication, Content and Infrastructure* (CCI) EPP *e-Government* dan NKEA *Business Services* EPP2-1 *Government Shared Services*.

Dalam persekitaran kerja yang mencabar dan kompetitif, program ini dilaksanakan bertujuan untuk memperkukuhkan pegawai-pegawai MAMPU dan agensi-agensi pelaksana dengan kapasiti dan keupayaan untuk menghasilkan perkhidmatan berkualiti tinggi dan memenuhi ekspektasi pelanggan, *stakeholders* dan rakyat.

Objektif Program 3R adalah seperti berikut:

- i. Melahirkan tenaga kerja yang mahir, pakar dan kompeten dalam pengurusan, pelaksanaan dan pengoperasian projek;
- ii. Melahirkan pegawai-pegawai teknikal yang profesional yang mendapat pengiktirafan kepakaran dan kemahiran di dalam dan luar negara;
- iii. Membangun kompetensi baharu dan meningkatkan kompetensi sedia ada secara terurus, sistematik dan berstruktur;
- iv. Memastikan pengoperasian dan pelaksanaan projek-projek EPP2-1 adalah berasaskan piawaian dan amalan terbaik serta jaminan kualiti perkhidmatan adalah mengikut *Service Level Guarantee* (SLG) yang ditetapkan;



- v. Menyedia dan memperkukuh tadbir urus dan pengurusan projek di bawah inisiatif NKEA *Business Services EPP2-1 Government Shared Services*; dan
- vi. Memastikan mekanisme penilaian dan pemantauan projek dilaksanakan secara menyeluruh dan berkesan.

PELUASAN SISTEM mySTAR

Aplikasi myStar dibangunkan bagi membolehkan penilaian Penarafan Bintang (*Star Rating*) Agensi Sektor Awam dilaksanakan secara sendiri oleh agensi pada bila-bila masa secara *online* sebelum penilaian sebenar dilaksanakan oleh pihak MAMPU dan panel penilai yang dilantik. Selain itu, aplikasi ini dibangunkan bagi memudahkan kaedah pelaksanaan penilaian *Star Rating* di agensi-agensi sektor awam dan mengatasi masalah-masalah sedia ada sekiranya pelaksanaan penilaian dijalankan secara *manual*.

Untuk Penilaian Penarafan Bintang bagi tahun 2012, Aplikasi myStar 2012 telah dibangunkan di bawah skop projek *Service Intelligence* (SI) iaitu di bawah komponen peningkatan dan peluasan aplikasi sedia ada dan menggunakan perisian QPR *Suite* 2012. Aplikasi myStar 2012 dibangunkan bagi lima (5) model dan dilaksanakan untuk lima (5) agensi iaitu MAMPU, Kementerian Kesihatan Malaysia, Kementerian Pelajaran Malaysia, Kementerian Pertahanan dan Kementerian Kerja Raya. Aplikasi myStar 2012 akan digunakan sebagai *baseline* atau rujukan utama kepada pembangunan aplikasi myStar seterusnya.



Aplikasi myStar 2013 dibangunkan berdasarkan Aplikasi myStar 2012 dengan model-model tambahan bagi 27 agensi mengikut kategori seperti berikut:

- i. 13 Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (PSUK);
- ii. Dua (2) Pejabat Setiausaha Persekutuan (PSUP) Negeri Sabah dan Sarawak;
- iii. Tujuh (7) Agensi Barisan Hadapan (ABH) iaitu Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM); dan
- iv. Lima (5) Agensi *Key Performance Indicator* (KPI) Strategik iaitu Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Jabatan Pengajian Tinggi (JPT), Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM), dan Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS).

PEMANTAUAN PEMBANGUNAN PERKHIDMATAN ONLINE KERAJAAN

Kajian Transformasi Perkhidmatan *Online* Kerajaan yang dilaksanakan oleh MAMPU pada Februari 2012 telah menakrifkan perkhidmatan *online* sebagai perkhidmatan secara *end to end* yang disediakan oleh agensi Kerajaan untuk rakyat, komuniti perniagaan dan kakitangan awam secara *online* tanpa perlu berurusan secara bersemuka pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja.




Di bawah Bidang Keberhasilan Utama Ekonomi (NKEA) CCI EPP6: *e-Government*, Kerajaan telah menetapkan bahawa sebanyak 50% daripada perkhidmatan Kerajaan hendaklah disediakan secara *online* pada tahun 2012 dan 90% pada tahun 2015. Sehingga 30 September 2013, sebanyak 64.65% (8,433 perkhidmatan) daripada 13,044 perkhidmatan Kerajaan telah disediakan secara *online*. Sebanyak 4,611 (35.35%) lagi perkhidmatan Kerajaan dijangka akan disediakan secara *online* bagi tempoh dua (2) tahun untuk mencapai 90% sasaran Kerajaan pada penghujung tahun 2015.

APLIKASI REAL TIME PERFORMANCE MONITORING (RPM)

Aplikasi RPM merupakan satu mekanisme pengukuran, pemantauan dan penilaian prestasi hasil rekayasa proses kerja ("TO-BE") bagi lesen-lesen perniagaan di kementerian dan agensi Kerajaan. RPM adalah salah satu inisiatif di bawah *Public Service Delivery (PSD) Strategic Reform Initiative (SRI)* antara lainnya bertujuan untuk mempercepatkan usaha menjadi Kerajaan yang kejut, cekap dan pemudah cara, serta memastikan transformasi perkhidmatan awam kepada institusi berprestasi tinggi. Konsep pemantauan RPM adalah seperti yang ditunjukkan dalam di **Rajah 27**. Objektif aplikasi RPM adalah seperti berikut:

- Mewujudkan mekanisme penilaian dan pemantauan melalui sistem yang lebih efisien dan sistematik;
- Memastikan pemantauan prestasi dalam masa sebenar (*real time*) kepada keseluruhan proses kerja bagi kementerian dan agensi melalui sistem;



Rajah 27 : Konsep pemantauan RPM

- iii. Mengesan dan mengekang isu di peringkat individu, proses kerja dan agensi bagi tindakan penambahbaikan dengan segera; dan
- iv. Menyediakan pelaporan dan analisis di peringkat makro dan mikro.

Pembangunan RPM bagi lima (5) agensi perintis berdasarkan proses rekayasaan "TO-BE" telah selesai dilaksanakan pada November 2012. Lima (5) agensi yang terlibat adalah seperti berikut:

- i. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK);
- ii. Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA);
- iii. Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT);
- iv. Kementerian Pelancongan (MOTOUR); dan
- v. Lembaga Koko Malaysia (LKM), Kementerian Perusahaan Peladangan dan Komoditi (KPPK)

Peluasan RPM bagi 25 agensi dijadualkan siap pada Mac 2014.

PROJEK RINTIS PEMANTAPAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN ONLINE MELALUI KIOS SMART INTELLIGENT PANEL (SIP) DAN TOUCHSCREEN SURFACE PANEL

MAMPU sebagai peneraju inisiatif ICT sektor awam dan ETP NKEA CCI EPP8 bertanggung jawab dalam meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan Kerajaan secara *online* serta memastikan penyampaian perkhidmatan yang mudah, cepat dan telus. Penyediaan capaian terhadap inisiatif-inisiatif Kerajaan boleh menggunakan pelbagai saluran dan peranti seperti peranti mobil, komputer peribadi dan kiosk.

Pelaksanaan Kios Smart Intelligent Panel (SIP) dan *Touch Screen Surface Panel* merupakan salah satu projek MAMPU dalam meningkatkan usaha promosi dan pengurusan perubahan inisiatif-inisiatif ICT dengan penggunaan teknologi ICT supaya aktiviti promosi dan pengurusan perubahan dapat dilaksanakan dengan interaktif dan berkesan.



Objektif projek ini ialah :

- i. Menyediakan saluran capaian melalui kios bagi pelbagai perkhidmatan *online* Kerajaan yang dikenal pasti dalam persekitaran yang selamat;
- ii. Meningkatkan jumlah transaksi perkhidmatan *online* Kerajaan; dan
- iii. Meningkatkan usaha promosi dan pengurusan perubahan berkaitan perkhidmatan *online* Kerajaan menggunakan teknologi terkini dengan penggunaan SIP dan *Touchscreen Surface Panel*.

SMART INTELLIGENCE PANEL (SIP)

SIP adalah sebuah produk integrasi serba lengkap yang menggunakan *Full HD LCD Panel* untuk memaparkan skrin yang mengabungkan beberapa teknologi iaitu komputer, projektor, papan lakar, skrin, stereo, TV dan Internet. Fungsi SIP membolehkan aktiviti promosi dan pengurusan perubahan dilaksanakan dengan berkesan melalui fungsi multimedia interaktif merentasi lokasi. Setiap sesi juga boleh direkodkan bagi tujuan pengarkiban, guna semula dan untuk penambahbaikan datang.

TOUCHSCREEN SURFACE PANEL

Touchscreen Surface Panel merupakan peranti *multi touch LCD Display* yang membolehkan aktiviti promosi dan pengurusan perubahan dilaksanakan dengan interaktif dan berkesan.

Kios-kios seperti ini akan diletakkan di MAMPU, Jabatan Pendaftaran Negara (Putrajaya), Jabatan Imigresen Malaysia (Putrajaya) dan untuk kegunaan promosi NKEA EPP8. Projek ini selesai dibangunkan pada bulan Disember 2013.



PROJEK MyMESYUARAT FASA 2

MyMesyuarat merupakan sistem pengurusan mesyuarat berasaskan web dan sistem pemantauan keputusan *online* yang dibangunkan dengan menggunakan perisian sumber terbuka.

Di antara fungsi- fungsi yang terdapat dalam sistem MyMesyuarat ialah:

- i. Jemputan mesyuarat secara automatik melalui emel;
- ii. Memuat naik/memuat turun dokumen berkenaan mesyuarat;
- iii. Memantau keputusan mesyuarat dan status pelaksanaan;
- iv. Mengemas kini status pelaksanaan di mana-mana dan pada bila-bila masa;
- v. Aliran kerja untuk pengesahkan minit;
- vi. Carian kata kunci sepenuhnya;
- vii. Menjalankan perbincangan secara *online*;
- viii. Menyediakan buku alamat untuk ahli-ahli mesyuarat;



Pameran MyMesyuarat sempena Wacana GCIO pada 30 September 2013



- ix. Mencetak laporan/deraf minit mesyuarat secara automatik; dan
- x. Menyokong bahasa Melayu dan Inggeris.

Objektif Projek MyMesyuarat Fasa 2 adalah untuk menambah baik sistem MyMesyuarat sedia ada kepada yang bercirikan *cloud enable* (*software as a service* (SaaS)). Penambahbaikan MyMesyuarat *cloud enable* adalah bagi memenuhi permintaan pengguna selaras dengan perkembangan teknologi masa kini. Dengan penambahbaikan ini, ia akan memudahkan kerja-kerja penyelenggaraan sistem. MyMesyuarat Fasa 2 akan diperluaskan ke semua agensi sektor awam menjelang tahun 2015.

Antara faedah-faedah dari Projek MyMesyuarat Fasa 2 ialah:

- i. Mempercepatkan peluasan MyMesyuarat di semua agensi supaya mendapat manfaat dari pelaksanaannya;
- ii. Membantu mencapai *Key Performance Indicator* (KPI) *National Key Economic Area* (NKEA) yang telah ditetapkan iaitu 70% surat menyurat, memo dan minit mesyuarat dan 90% jemputan mesyuarat dilaksanakan secara *online*;
- iii. Membantu menjimatkan kos serta masa pelaksanaan dan pengurusan mesyuarat;
- iv. Meningkatkan keberkesanan pemantauan tugas-tugas dan tindakan keputusan mesyuarat;

- v. Meningkatkan capaian dan perkongsian maklumat; dan
- vi. Menyumbang kepada transformasi penyampaian perkhidmatan awam dan membantu mencapai objektif 90% perkhidmatan Kerajaan secara *online* menjelang tahun 2016.

Projek MyMesyuarat Fasa 2 ini akan dilaksanakan dalam tempoh 29 bulan bermula Mac 2014 hingga Julai 2016.

INTEGRASI OpenHIS DENGAN SISTEM PENGURUSAN PESAKIT (SPP)

Pengintegrasian Sistem OpenHIS dengan Sistem Pengurusan Pesakit (SPP) menggunakan teknologi *open source* dilaksanakan bertujuan untuk menjimatkan kos pembangunan dan perlesenan yang tinggi sedia ada dengan menjadikan SPP sebagai *baseline*. Pembangunan modul-modul tambahan akan dilaksanakan bagi melengkapkan fungsi-fungsi SPP ke tahap *open source Hospital Information System (HIS)* sepenuhnya.




Objektif pengintegrasian Sistem OpenHIS dengan SPP adalah untuk :

- i. Memperkukuhkan Sistem Maklumat Pengurusan Kesihatan untuk meningkatkan kualiti penjagaan kesihatan (*healthcare*);
- ii. Menggunakan perisian *open source* (OSS) untuk pembangunan dan pelaksanaan Projek Integrasi OpenHIS supaya ia berdaya saing, kukuh dan mesra pengguna dengan *Total Cost of Ownership* (TCO) yang lebih rendah berbanding dengan sistem *proprietary* di pasaran; dan
- iii. Meneruskan pemindahan teknologi berkaitan pembangunan perisian sumber terbuka.

Projek pengintegrasian ini akan dilaksanakan dalam tempoh 30 bulan bermula Januari 2014.

PEMANTAUAN PENGEMASKINIAN LAMAN WEB/PORTAL AGENSI KERAJAAN


Laman web/portal memainkan peranan yang penting dalam menyalurkan maklumat-maklumat dan berkomunikasi dengan rakyat atau *stakeholders* dalam dunia digital. Dalam Pekeliling AM Bilangan 1 Tahun 2006 - Pengurusan Laman Web/Portal Sektor Awam, telah menggariskan perkara-perkara yang perlu diberi perhatian dalam mentadbir urus laman web/portal sektor awam. Sejak tahun 2011, MAMPU telah



dipertanggungjawab bagi memantau laman web agensi Kerajaan secara berterusan. Objektif pemantauan ini dilaksanakan ialah bagi memastikan laman web/portal dan media sosial agensi Kerajaan sentiasa dikemaskini. Hasil pemantauan mingguan pengemaskinian laman web/portal dilaporkan ke Pejabat YBhg. Tan Sri KSN dan ketua-ketua jabatan agensi serta dipamerkan di portal MAMPU. Laporan tersebut juga dibentangkan dalam Mesyuarat Panel 3P, Mesyuarat Pasukan Kerja Laman Web/Portal Sektor Awam, Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Laman Web/Portal Sektor Awam dan Mesyuarat *Focus Group on Improving Perception*. Tujuh (7) perkara yang dipantau dalam pengemaskinian laman web/portal Sektor Awam adalah seperti berikut:


- i. Berita/aktiviti terkini;
- ii. Pengumuman;
- iii. Keratan akhbar;
- iv. Poster/Banner;
- v. Tender/Sebut harga/Jawatan kosong;
- vi. Maklumat anggota pentadbiran; dan
- vii. Statistik - pencapaian piagam pelanggan dan transaksi perkhidmatan *online*.

Jumlah agensi Kerajaan yang dipantau adalah sebanyak 838 agensi dan dibahagikan mengikut kategori iaitu Kementerian, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (PSUK), Jabatan Persekutuan, Jabatan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Pecahan bilangan dan peratusan ditunjukkan dalam **Rajah 28**.



Rajah 28 : Bilangan agensi sektor awam yang dipantau

MAMPU telah melaksanakan 44 pemantauan mingguan pada Tahun 2013 (sehingga November 2013). Pemantauan yang dilaksanakan pada awal bulan November 2013 menunjukkan 87.5% daripada 838 laman web/portal agensi Kerajaan telah dikemaskini. Pencapaian pengemaskinian laman web/portal Agensi Kerajaan bagi tahun 2013 ditunjukkan dalam **Rajah 29**.



Rajah 29 : Peratus Pencapaian Pengemaskinian Laman Web/Portal Agensi Kerajaan bagi tahun 2013



Lawatan YBhg. Datuk Wira Omar bin Kaseh,
Ketua Pengarah MAMPU
ke Institut Latihan Awam (ILA)
di Labuan, Sabah
27 September 2013



YBhg. Dato' Dr. Nor Aliah Mohd Zahri, Timbalan
Ketua Pengarah (ICT) mewakili MAMPU, JPM
menerima anugerah 'Program Leader of The Year'
bagi DRI Awards of Excellence - DRI KL2013
13 November 2013

Ke Arah Persekitaran **Mesra Perniagaan (G2B)**



KE ARAH PERSEKITARAN MESRA PERNIAGAAN (G2B)

PELUASAN **GOVERNMENT REGIONAL ELECTRONIC ADVANCEMENT TRANSFORMATION (G.R.E.A.T.)**

Dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10), Kerajaan telah menggariskan peluasan inisiatif eKL dengan memperluaskan inisiatif berkenaan ke luar kawasan Lembah Klang dan memberi tumpuan kepada kawasan pertumbuhan ekonomi yang strategik di bawah program yang dikenali sebagai G.R.E.A.T.

Pelaksanaan inisiatif G.R.E.A.T. bertujuan untuk memperluaskan model transformasi penyampaian perkhidmatan agensi-agensi Kerajaan di kawasan Lembah Klang (eKL) ke kawasan pertumbuhan ekonomi strategik iaitu Iskandar Malaysia (IM), Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER), Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER), Koridor Pembangunan Sabah (SDC) dan Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak (SCORE). Inisiatif ini berlandaskan penggunaan ICT yang efisien, berkualiti, selamat, mesra pelanggan serta mampu memberi impak tinggi kepada rakyat dan komuniti pelabur seterusnya meningkatkan daya saing negara di peringkat global.




Rajah 30 : Portal myCorridor

Projek G.R.E.A.T. Fasa 1 di mana IM sebagai perintis telah berjaya dilaksanakan bermula 1 Ogos 2011 hingga 31 Januari 2013. Melalui inisiatif ini, dua (2) produk utama iaitu Portal myCORRIDOR dan Sistem Pengurusan Pelabur (IMS) telah dibangunkan.

Portal myCORRIDOR

Portal myCORRIDOR merupakan gerbang setempat (*single gateway*) bagi capaian maklumat berkaitan pelaburan yang terdapat di IM, ECER, NCER, SDC dan SCORE. Portal ini menyediakan maklumat strategik pelaburan yang dapat membantu dan memudahkan pelabur dari dalam dan luar negara untuk mengakses maklumat yang diperlukan. Berdasarkan laporan *hits* pengguna, portal ini telah diakses dari lebih 60 negara di serata dunia seperti Singapura, Amerika Syarikat, India, Jepun, Australia, Korea dan lain-lain. Portal ini boleh diakses di alamat <http://www.mycorridor.malaysia.gov.my> seperti yang ditunjukkan dalam **Rajah 30**. Statistik bilangan *hits* yang diperolehi bermula 1 Mac sehingga 30 September 2013 adalah sebanyak 3,966 *hits*. Contoh skrin *Dashboard* bagi statistik capaian mengikut negara pula adalah seperti yang ditunjukkan dalam **Rajah 31**.



Rajah 31 : Contoh skrin *Dashboard* bagi statistik capaian mengikut negara

Sistem Pengurusan Pelabur (IMS)

Sistem IMS telah mula digunakan secara rasmi oleh Pihak Berkuasa Iskandar Malaysia (IRDA) pada 1 Mac 2013. Sistem yang berasaskan *web-based* ini dibangunkan khusus untuk membantu IRDA dalam mengurus maklumat pelabur dan pelaburan serta mengurus *engagement* di antara pelabur dan *stakeholder*. Sistem ini direka bentuk untuk mewujudkan satu repositori maklumat pelabur secara berpusat bagi menggalakkan komunikasi, kolaborasi dan perkongsian maklumat merentasi bahagian dalam organisasi tersebut.

Sehingga 23 Ogos 2013 pihak IRDA telah berjaya merekodkan maklumat pelaburan seperti **Jadual 6**:

KATEGORI MAKLUMAT	BILANGAN REKOD
Pelabur	159
<i>Stakeholder</i>	235
<i>Engagement</i>	153

Jadual 6 : Bilangan maklumat yang telah direkodkan dalam Sistem IMS

Kerangka G.R.E.A.T. Fasa 1 dan Fasa 2


Maklumat dan pertanyaan daripada bakal pelabur yang diterima melalui portal akan disalurkan ke sistem IMS. Bagi Fasa 1, hanya IRDA sahaja yang mendapat kemudahan ini sementara bagi empat (4) koridor lain, maklumat pelabur akan disalurkan melalui emel kepada *Desk Officer* yang dilantik. Proses *engagement* yang berlaku di antara pihak koridor dan pelabur akan direkodkan dalam IMS. Dengan mendaftar di Portal myCORRIDOR, pelabur-pelabur boleh mencapai maklumat seperti sesi *engagement* dan status permohonan masing-masing yang telah direkodkan melalui IMS. Di samping itu, IMS juga menyediakan kemudahan untuk memenuhi keperluan agensi-agensi pusat seperti Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS) dan Unit Perancang Ekonomi (UPE) dengan menjana laporan-laporan dan analisis yang diperlukan.

Inisiatif G.R.E.A.T. adalah usaha MAMPU untuk mempertingkatkan pelaburan dari dalam dan luar negara dengan mentransformasikan pengurusan pelabur di pihak berkuasa koridor melalui penggunaan ICT. Portal myCorridor adalah mekanisma untuk menarik perhatian pelabur dengan menyediakan gerbang maklumat yang menyampaikan maklumat komprehensif mengenai semua koridor-koridor ekonomi di samping menyediakan media komunikasi pantas dengan pihak berkuasa koridor.

Perancangan sedang dibuat untuk memperluaskan pelaksanaan IMS kepada empat (4) koridor ekonomi yang lain dalam projek G.R.E.A.T. Fasa 2. Tindakan peluasan ini termaktub dalam Pelan Strategik ICT Sektor Awam (2011 hingga 2015). Dengan usaha ini, semua pihak berkuasa koridor akan mendapat manfaat melalui sistem IMS. Inisiatif ini bukan sahaja memberi manfaat kepada pihak berkuasa koridor bagi menguruskan

pelabur-pelabur mereka malah para pelabur turut mendapat kemudahan yang sama. Di samping itu, Portal myCorridor juga akan dipertingkatkan dari segi kandungan dan ciri-ciri tambahan bagi memudahkan lagi perkongsian maklumat antara pelabur-pelabur, pihak berkuasa koridor dan juga pihak-pihak yang berkepentingan. Inisiatif ini dijangka akan berjaya dilaksanakan dalam tempoh Rancangan Malaysia ke 10 (RMK-10).

Hubungkait di antara Portal myCorridor dan Sistem IMS digambarkan seperti dalam **Rajah 32**.



Rajah 32 : Hubungkait di antara Portal myCorridor dan Sistem IMS



Sejajar dengan perkembangan pesat teknologi ICT dan perubahan keperluan dalam penggunaan Sistem ePerolehan (eP), maka Kementerian Kewangan telah mengambil langkah untuk membangunkan Sistem eP baru yang lebih strategik bagi menambah baik urusan perolehan Kerajaan khususnya dalam perolehan bekalan dan perkhidmatan.

Sistem eP baru atau dikenali sebagai Nextgen eP telah dilancarkan pada 13 Mac 2013 oleh YB Dato' Dr. Awang Adek Hussin, Timbalan Menteri Kewangan. Projek Nextgen eP ini merupakan salah satu transformasi yang dilaksanakan oleh Kementerian Kewangan dengan kerjasama pihak Commerce Dot Com Sdn. Bhd. (CDCSB) seiring dengan transformasi negara untuk menambah baik penyampaian perkhidmatan Kerajaan. Nextgen eP kini di dalam fasa kajian keperluan dan disasar untuk dilaksanakan pada Januari 2015.

NextGen eP akan dilengkapi dengan teknologi terkini dan kaedah penyelesaian inovatif bagi menyokong keperluan perubahan dalam sistem perolehan semasa. NextGen eP membolehkan pencapaian keberhasilan utama perniagaan yang melibatkan teknologi dan modal insan. Keberhasilan utama perniagaan seperti mempercepatkan proses perolehan, perolehan yang lebih terancang, meningkatkan produktiviti, meningkatkan kepelbagaian capaian sistem dan mengurangkan kos operasi akan dapat dicapai dengan mudah. Penggunaan teknologi terkini memberi pengalaman baharu kepada pengguna Kerajaan dan pembekal bagi memperbaiki dan memudahkan kerja harian mereka di dalam urusan perolehan Kerajaan.

Selain itu, Nextgen eP akan dibangunkan dengan tambahan ciri-ciri baharu seperti:

- i. Aplikasi teknologi *dashboard* untuk pemantauan prestasi perolehan yang lebih efektif;
- ii. Sistem yang lebih mesra pengguna;
- iii. Kerangka sistem yang lebih fleksibel bagi membolehkan sistem dikemas kini dan dinaik taraf selaras dengan keperluan semasa;

- iv. Penggunaan aplikasi teknologi *Business Intelligence* dalam penyediaan laporan yang komprehensif bagi membantu pengguna membuat keputusan yang lebih tepat;
- v. Kebolehcapaian sistem daripada pelbagai peranti mudah alih; dan
- vi. Pembangunan proses secara bersepadu untuk meningkatkan tahap keberkesanannya.

Pembangunan Nextgen eP akan memberi banyak kelebihan kepada semua kementerian dalam meningkatkan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat. Pelbagai aplikasi baru yang akan diperkenalkan kelak dijangka dapat mengatasi kekangan Sistem eP semasa. Seajar dengan agenda transformasi negara, Nextgen eP akan mentransformasikan perolehan Kerajaan khususnya dalam bekalan dan perkhidmatan ke tahap yang boleh dibanggakan.



SISTEM PEMBERITAHUAN SECARA SUKARELA KARYA HAK CIPTA

Harta Intelek adalah hak eksklusif yang diberikan oleh undang-undang untuk tempoh masa tertentu kepada pencipta karya untuk mengawal penggunaan karya mereka. Perlindungan hak cipta di Malaysia adalah berasaskan kepada Akta Hak Cipta 1987. Seseorang pemunya hak cipta mempunyai hak eksklusif, hak perundangan, hak ekonomi dan hak moral ke atas sesuatu karya hak cipta.

Karya-karya yang layak mendapat perlindungan hak cipta ialah:

- i. Karya sastera;
- ii. Karya muzik;
- iii. Karya seni;
- iv. Filem;
- v. Rakaman bunyi;
- vi. Siaran; dan
- vii. Karya terbitan.

Sistem Pemberitahuan Sukarela Hak Cipta berfungsi sebagai sistem yang dapat menyalurkan maklumat hak cipta kepada orang ramai. Sistem ini merangkumi lima (5) komponen utama seperti berikut:

- i. Pemfailan permohonan cecara manual / *online*;
- ii. Pemprosesan permohonan;
- iii. Pengurusan dokumen elektronik;
- iv. Carian maklumat awam; dan
- v. Pendepositan karya hak cipta.

Perbadanan Harta Intelek Malaysia
Intellectual Property Corporation of Malaysia
www.myipo.gov.my
(An agency under the Ministry of Domestic Trade, Co-operatives and Consumerism)
Unit 1-7, Ground Floor, Tower B, Menara UOA Bangsar,
No.5, Jalan Bangsar Utama 1, 59000 Kuala Lumpur | Tel: +603-2299 8400 Fax: +603 2299 8989

Language: Bahasa | English

COPYRIGHT VOLUNTARY NOTIFICATION SYSTEM

Voluntary Notification System

- Home
- Login/Register
- Download Form
- Copyright Data Quick Search
- Copyright Lost & Found
- Copyright Info
- Copyright Act
- FAQ
- Customer Feedback
- Contact Us

Username
Password
LOGIN
Register | Forgot Password

Copyright 2012 © Intellectual Property Corporation of Malaysia (MyIPO)
Disclaimer: The Government / MyIPO shall not be liable for any loss or damage caused by the usage of any information obtained from this website.
Best viewed using Internet Explorer 8.0.7601.17514 above and Mozilla Firefox 3.0 above with the resolution of 1024 x 768

Rajah 33 : Portal Sistem Pendaftaran Secara Sukarela Karya Hak Cipta

Data maklumat Sistem Pemberitahuan Sukarela Hak Cipta ini boleh dijadikan sebagai sumber rujukan kepada masyarakat penyelidik, seni dan juga orang ramai dalam mengenali karya-karya hak cipta sedia ada atau sebagai panduan berkarya untuk menerbitkan satu karya hak cipta yang baharu. Walau bagaimanapun, akses terhadap maklumat yang terdapat dalam data ini tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan di bawah Akta Hak Cipta 1987. Portal Sistem Pemberitahuan Sukarela Karya Hak Cipta boleh dicapai di <http://www.myipo.gov.my/-pemberitahuan-sukarela-hak-cipta> seperti yang ditunjukkan dalam **Rajah 33**.

Objektif sistem ini adalah untuk:

- i. Mewujudkan pangkalan data deposit karya hak cipta secara sukarela;
- ii. Membantu pemunya sesuatu karya hak cipta dalam membuktikan keempunyaan sekiranya berlaku pertikaian terhadap karya hak cipta mereka; dan
- iii. Menyediakan maklumat yang menjadi sumber rujukan karya hak cipta di Malaysia.



SISTEM INTELLECTUAL PROPERTY (IP) JOURNAL

Sistem IP *Journal* adalah kemudahan yang disediakan oleh Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) mengenai pewartaan berkenaan harta intelek yang terdiri daripada paten, cap dagangan, reka bentuk perindustrian dan petunjuk geografi. Sistem ini merupakan pangkalan data pewartaan harta intelek dalam bentuk digital yang akan menjadi mekanisma bagi MyIPO untuk meningkatkan kualiti sistem penyampaian perkhidmatan yang disediakan. Sasaran pengguna perkhidmatan ini bukan sahaja dari kalangan *stakeholder* dalam negara tetapi juga *stakeholder* antarabangsa di mana pengguna adalah terdiri dari rakyat tempatan dan luar negara.

Objektif Sistem IP *Journal* adalah seperti berikut:

- i. Menambah baik sistem penyampaian harta intelek;
- ii. Menyediakan mekanisme efektif bagi membolehkan pemilik menyemak maklumat pewartaan harta intelek secara *online*; dan
- iii. Menyediakan kemudahan maklumat pewartaan harta intelek dalam bentuk digital.

Sistem ini dilengkapi dengan Modul Carian Awam bagi kemudahan carian dan memuat turun maklumat pewartaan harta intelek. Antara perkhidmatan yang disediakan adalah:


- i. Permohonan pertama dan pendaftaran/pemberian geran pertama;
- ii. Maklumat pewartaan;




Rajah 34 : Portal Sistem IP *Journal*

- iii. Carian maklumat pewartaan harta intelek; dan
- iv. Perkhidmatan *data exchange*.

Bagi pengguna yang bercadang melanggan bagi mendapatkan maklumat pewartaan harta intelek, MyIPO mengenakan fi yang akan berkuat kuasa selaras dengan Pindaan Akta Reka Bentuk Perindustrian, Cap Dagangan, Paten dan Petunjuk Geografi. Langganan pewartaan adalah sebanyak RM500.00 setahun. Portal ini boleh dicapai di <http://ipjournal.myipo.gov.my/ipjournal> seperti yang ditunjukkan dalam **Rajah 34**. Contoh pendaftaran reka bentuk industri adalah seperti yang ditunjukkan dalam **Rajah 35**.



REGISTERED INDUSTRIAL DESIGN			
Registration Number	: MY 12-01592-0110	Name of Registered Owner	: Fuji Xerox Co., Ltd.
Date of Registration	: 22 May 2012		
Date of Priority	: 22 May 2012		
Date of Filing	: 14 November 2012	Address of Registered Owner	: 7-3, Akasaka 9-Chome, Minato-Ku, Tokyo, Japan
Date of Issuance Of Certificate	: 20 June 2013		
Classification	: 18-02	Address for Service	: Charmayne Ong Poh Yin C/O Skrine Unit No. 50-8-1, 8th Floor, Wisma Uoe Damansara, 50 Jalan Dungun, Damansara Heights, 50490 Kuala Lumpur
Article	: TONER CARTRIDGE		



1.1 PERSPECTIVE VIEW 1

STATEMENT OF NOVELTY

THE NOVELTY OF THE DESIGN FOR WHICH PROTECTION IS SOUGHT LIES IN THE SHAPE AND CONFIGURATION, OF THE ARTICLE, AS SHOWN IN THE ACCOMPANYING REPRESENTATIONS.

INDUSTRIAL DESIGNS 4


Rajah 35 : Contoh pendaftaran reka bentuk industri

SME COMPETITIVENESS RATING TO ENHANCEMENT (SCORE)

SCORE merupakan kaedah diagnostik yang dibangunkan oleh SME Corp. pada tahun 2007 dengan menggunakan kepakaran dalaman. Ia bertujuan menilai dan mengukur daya saing Perindustrian Kecil Sederhana (PKS) berdasarkan prestasi perniagaan, daya tahan dan keupayaan mereka. Kaedah diagnostik merupakan asas dalam mengenal pasti kekuatan dan kelemahan syarikat berdasarkan tujuh (7) parameter bagi sektor perkilangan dan pembuatan iaitu:

- i. Prestasi perniagaan;
- ii. Keupayaan kewangan;
- iii. Keupayaan teknikal;
- iv. Keupayaan pengeluaran;
- v. Inovasi;
- vi. Sistem kualiti; dan
- vii. Keupayaan pengurusan.

Berdasarkan penarafan syarikat yang diukur melalui SCORE, bantuan yang bersesuaian dapat ditentukan. Kriteria penarafan bintang SCORE adalah seperti yang ditunjukkan dalam **Rajah 36**. Walau bagaimanapun, penarafan syarikat ini mempunyai tempoh sah laku selama setahun di mana melalui *annual performance review*, SME Corp. dapat



Rajah 36 : Kriteria penarafan bintang SCORE



Program bersama Sektor Perbankan Islam pada 12 hingga 14 Ogos 2013 di SME Corp.

mengukur dan memantau perkembangan serta kelestarian syarikat. Ini adalah selaras dengan fungsi SME Corp. untuk menyelaraskan, memantau dan menilai pelaksanaan dasar, program dan strategi bagi PKS.

Objektif SCORE adalah untuk;

- i. Mengetahui kekuatan dan kelemahan syarikat secara menyeluruh;
- ii. Membantu SME Corp. dalam mengoptimalkan penggunaan dana dan sumber secara efisien dan efektif. Melalui keputusan SCORE, kelemahan dan kekuatan syarikat dapat dikenal pasti dan seterusnya, pelan tindakan akan dihasilkan menjurus kepada keperluan syarikat dan bukan berdasarkan kepada kehendak syarikat. Oleh itu, bantuan menjadi lebih fokus dan bertepatan dengan keperluan syarikat;
- iii. Mengukur keberhasilan bantuan yang diberikan untuk memastikan perkembangan dan pertumbuhan syarikat melalui sistem pemantauan dan penilaian semula;
- iv. Mempermudahkan padanan perniagaan antara PKS dengan syarikat-syarikat multinasional, syarikat-syarikat besar, agensi-agensi Kerajaan dan *retail outlets* tempatan dan antarabangsa melalui *rating* syarikat; dan
- v. Mewujudkan pangkalan data PKS yang komprehensif.

Model SCORE

Keunikan SCORE adalah model ini boleh diolah mengikut jenis sektor tertentu dan tidak secara *one size fits all*. Sebanyak tujuh (7) model telah dibangunkan iaitu:

- i. Perkilangan dan Perkhidmatan berkaitan Perkilangan;
- ii. Peruncitan dan Perdagangan Agihan;
- iii. Pembinaan;
- iv. ICT;
- v. Penyelenggaraan, Pembaikan dan *Overhaul* - MRO;
- vi. Perkhidmatan Profesional; dan
- vii. M-CORE untuk Enterpris Mikro.

SCORE juga telah mendapat sokongan daripada Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan (NSDC) di mana SCORE digalakkan untuk diguna pakai oleh semua kementerian dan agensi Kerajaan untuk menilai dan memantau prestasi pembangunan PKS di bawah bimbingan mereka. SCORE juga telah diputuskan sebagai *Minister Key Performance Indicator* (M-KPI) untuk YB Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri semenjak tahun 2009 sehingga sekarang. Antara agensi yang telah menggunakan SCORE ialah Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB), *Multimedia Development Corporation* (MDeC) dan Telekom Malaysia (TM).



Sesi perbincangan dengan rakan strategik TM Malaysia



PEMBANGUNAN PROJEK MyCoID



MyCoID adalah nama singkatan kepada Nombor Identiti Korporat Malaysia (Malaysia Corporate Identity Number). Nombor MyCoID adalah merujuk kepada nombor pemerbadanan syarikat yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Konsep MyCoID ialah untuk membolehkan komuniti perniagaan berurusan dengan agensi-agensi Kerajaan dengan hanya menggunakan satu nombor rujukan tunggal.

Objektif Projek MyCoID ialah:

- i. Menambah baik sistem penyampaian awam dalam aspek memulakan perniagaan;
- ii. Memudahkan orang awam berinteraksi dalam urusan pendaftaran perniagaan dengan agensi perintis;
- iii. Menyediakan sistem di agensi untuk menerima pakai nombor MyCoID sebagai nombor rujukan untuk pelbagai transaksi;
- iv. Memudahkan proses memulakan perniagaan di Malaysia; dan
- v. Memperbaiki kedudukan negara dalam penilaian Bank Dunia di dalam aspek *Starting a Business*.

Projek MyCoID telah dibangunkan dalam dua (2) fasa iaitu:


- i. Fasa Pertama - Penggunaan nombor MyCoID sebagai nombor utama untuk rujukan, pendaftaran dan transaksi di agensi-agensi Kerajaan; dan
- ii. Fasa Kedua - Pembangunan Portal dan Sistem Gerbang MyCoID bagi membolehkan pemerbadanan syarikat secara *online* dan pendaftaran serentak dengan lima (5) agensi-agensi perintis.

Faedah penggunaan MyCoID adalah seperti berikut:

- i. Memudahkan orang awam terutama komuniti korporat dan perniagaan kerana tidak lagi dibebani dengan nombor rujukan yang berlainan yang dikeluarkan oleh agensi yang berbeza;

- ii. Mengurangkan masa rujuk silang (*cross-reference*) sesama agensi Kerajaan dan mempercepatkan transaksi orang awam dengan Kerajaan. Keberkesanan ini dapat mengurangkan kos dan meningkatkan produktiviti;
- iii. Meningkatkan tahap interaksi di antara agensi Kerajaan terutamanya dalam pengesahan data, input data, pengemaskinian data, pertukaran maklumat dan penguatkuasaan; dan
- iv. Membolehkan sesebuah syarikat mendaftar serentak dengan agensi yang berkaitan selepas ia ditubuhkan.

Pelaksanaan MyCoID jelas menunjukkan perbezaan yang ketara dari aspek pengurusan syarikat dan agensi Kerajaan seperti yang ditunjukkan dalam **Rajah 37** di bawah.



Rajah 37 : Faedah selepas pembangunan Sistem Gerbang MyCoID



**Program Kesedaran MyCoID yang telah diadakan untuk Setiausaha Syarikat dan
warga Suruhanjaya Syarikat Malaysia**



Majlis Pentauliahan Panel Pembekal
Perkhidmatan Open Source Software
Sektor Awam
17 Julai 2013



Penyampaian Anugerah Inovasi
semasa Majlis Anugerah Inovasi
Sektor Awam (AISA) 2013
12 September 2013

Getting to the Next Level of **Smart Government**



GETTING TO THE NEXT LEVEL OF SMART GOVERNMENT

1GOVERNMENT ENTERPRISE ARCHITECTURE (1GovEA)

EA Sektor Awam (1GovEA) adalah salah satu langkah yang proaktif dan prediktif yang perlu dibangunkan bagi memastikan peluang-peluang baru dapat diterokai, mewujudkan penjimatan dalam penggunaan sumber di organisasi termasuk sumber ICT serta secara tidak langsung meningkatkan penyampaian perkhidmatan di sektor awam.

Inisiatif EA di sektor awam membawa perspektif baru dalam sistem penyampaian Kerajaan. Sehubungan dengan itu, 1GovEA merupakan salah satu projek ICT berimpak tinggi yang mampu mentransformasikan perkhidmatan ICT ke satu tahap yang lebih tinggi. Sebagai agensi peneraju ICT di sektor awam, MAMPU mengambil langkah proaktif dalam melaksanakan projek ini bagi memastikan kapasiti dalam penyampaian perkhidmatan terutamanya bidang ICT dikaji secara menyeluruh dan penggunaannya adalah pada tahap yang optimum.

Objektif projek 1GovEA adalah seperti berikut:

- i. Meningkatkan keupayaan sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan menjadi lebih cekap serta dapat memenuhi ekspektasi pelanggan;




Rajah 38 : Rangka pembangunan 1GovEA

- ii. Mempertingkatkan keupayaan organisasi melalui pengembelangan kapasiti ICT secara strategik dan holistik;
- iii. Memantapkan program pembangunan kompetensi personel ICT sektor awam ke arah menjayakan projek ICT yang berimpak tinggi; dan
- iv. Menggalakkan perkongsian dan konsolidasi sumber-sumber ICT sektor awam secara strategik.

Melalui pelaksanaan 1GovEA, faedah yang diperoleh adalah seperti berikut:

- i. Membantu mencapai KPI NKEA yang lebih baik dari segi keberkesanan penyampaian perkhidmatan, di samping dapat menyumbang kepada sasaran 90% perkhidmatan Kerajaan disediakan secara *online* dan penggunaannya pada tahap 90% pada tahun 2015;



Rajah 39 : Pelan projek 1GovEA



- ii. Mengintegrasikan data, proses, teknologi dan inisiatif ICT bagi memastikan penggunaan dan koordinasi sumber-sumber di organisasi dilaksana dengan lebih efektif dan seterusnya mengurangkan kos perbelanjaan mengurus di organisasi;
- iii. Menyelaraskan sistem maklumat sesuai dengan keperluan strategik perkhidmatan bagi penambahbaikan proses perkhidmatan;
- iv. Mempertingkatkan integrasi, *interoperability* dan perkongsian sumber maklumat serta sumber ICT sektor awam bagi menyokong strategi bisnes sektor awam; dan
- v. Menyumbang ke arah negara maju yang di sokong dengan aplikasi bertaraf dunia melalui pelaksanaan EA secara menyeluruh di agensi sektor awam. Selain itu, Kerajaan dapat menjimatkan belanja dan meningkatkan pulangan terhadap pelaburan sedia ada.

DATA LEAKAGE PROTECTION (DLP)

DLP adalah satu sistem yang dapat memberi perlindungan ke atas data yang penting. Ini kerana isu, cabaran dan ancaman semasa ke atas data tersebut boleh memberi impak yang besar kepada organisasi dan negara. Pengendalian maklumat elektronik di dalam sesebuah organisasi umumnya merangkumi tiga (3) kaedah/keadaan berikut:

- i. Data dalam penggunaan (semasa penggunaan komputer *desktop*, komputer riba, telefon pintar, *tablet* atau lain-lain peranti mudah alih);
- ii. Data sedang dipindahkan (data dalam rangkaian melalui Internet dan rangkaian tanpa wayar); dan
- iii. Data dalam simpanan (pangkalan data, sistem fail dan media storan).

Projek ini dilaksanakan di bawah peruntukan NKEA Komunikasi, Kandungan dan Infrastruktur (CCI) EPP e-Kerajaan. Objektif pelaksanaan sistem DLP adalah untuk:

- i. Melindungi dan menghalang ketirisan maklumat elektronik daripada perbuatan yang disengajakan atau tidak;
- ii. Memudah cara pengesanan awal aktiviti berisiko dan membolehkan tindakan mitigasi segera;
- iii. Mengurangkan kos penyiasatan insiden ketirisan dan kos membina kembali reputasi organisasi sekiranya berlaku insiden ketirisan maklumat; dan
- iv. Meningkatkan tahap keyakinan pengurusan organisasi dengan adanya langkah kawalan keselamatan perlindungan maklumat elektronik.


Rangka Kerja dan Dasar Perlindungan Ketirisan Maklumat Elektronik (DLP) Kerajaan adalah seperti yang ditunjukkan dalam **Rajah 40**. Selain daripada pelaksanaan DLP di MAMPU, satu dasar dan garis panduan Perlindungan Ketirisan Maklumat Elektronik Kerajaan perlu dibangunkan bagi menyokong pelaksanaan sistem DLP di sektor awam.




Rajah 40 : Rangka Kerja dan Dasar Perlindungan Ketirisan Maklumat Elektronik (DLP) Kerajaan

1GovSearch

Maklumat yang berkaitan dengan Kerajaan adalah luas dan disimpan dalam pelbagai format. Carian maklumat tersebut merupakan satu cabaran besar yang perlu ditangani oleh Kerajaan. Penyelesaian yang dicadangkan adalah melalui sebuah portal carian rasmi Kerajaan yang khusus iaitu *Search Engine Malaysia* - 1GovSearch. 1GovSearch mampu memberikan hasil carian yang cepat, tepat dan relevan serta *standard* di setiap kementerian dan agensi. Penyelesaian pada carian yang betul membolehkan penjawat awam dan rakyat mengakses maklumat pada bila-bila masa dan di mana sahaja, menjadikan ia mudah bagi orang ramai untuk mengakses dokumen Kerajaan dengan selamat dan tepat dari sumber rasmi, serta dapat melaksanakan kerja yang lebih cekap pada setiap masa. Kerajaan atau agensi-agensi yang melaksanakan penyelesaian carian berkualiti tinggi boleh meningkatkan *Return On Investment* (ROI) mereka dengan kecekapan kerja melalui penjimatan masa carian dokumen, sekaligus meningkatkan produktiviti. Pendekatan 1GovSearch adalah seperti yang ditunjukkan dalam **Rajah 41** manakala Arkitektur 1GovSearch adalah seperti **Rajah 42**.



Rajah 41 : Pendekatan 1GovSearch



Rajah 42 : Arkitektur 1GovSearch

Objektif 1GovSearch adalah seperti berikut :

- i. Mewujudkan mekanisme carian maklumat rasmi Kerajaan melalui sistem yang lebih berwibawa, pantas, tepat, seragam dan selamat;
- ii. Mewujudkan satu pusat carian tunggal dalam mengakses data atau maklumat rasmi Kerajaan bagi setiap kementerian dan agensi serta kepada pelanggan dan rakyat; dan
- iii. Menyediakan kemudahan carian maklumat rasmi Kerajaan melalui aplikasi *mobile*.

Faedah-faedah pelaksanaan projek 1GovSearch adalah seperti berikut:

- i. Meningkatkan kualiti capaian awam terhadap maklumat dan kandungan yang berkaitan dengan Kerajaan;
- ii. Menyediakan keputusan carian yang efisien, sistematik dan seragam;
- ii. Meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan; dan
- iv. Menyediakan *Single Access Point* kepada maklumat Kerajaan

Projek ini akan mula dilaksanakan pada November 2013 dan dijangka siap pada Mac 2015.




1 GOVERNMENT SINGLE SIGN ON (1GovSSO)

Projek myMALAYSIA atau projek 1GovSSO merupakan projek Unit Pengurusan Prestasi dan Perlaksanaan (PEMANDU) di bawah *Strategic Reform Initiatives - Public Service Delivery* (SRI-PSD) bagi tujuan meningkatkan daya saing negara di samping meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan awam.

Projek ini akan memudahkan akses kepada perkhidmatan *online* agensi-agensi Kerajaan dengan hanya satu ID dan kata laluan, mengintegrasikan sistem-sistem agensi dengan portal myGovernment, memudahkan pengguna mengakses dan menggunakan pelbagai perkhidmatan *online* menerusi satu saluran dan mengurangkan aduan berkaitan masalah pengguna terlupa ID dan kata laluan.

Rajah 43 menunjukkan perbezaan semasa dan selepas pelaksanaan 1GovSSO. Pelaksanaan projek ini bermula Disember 2013 dan dijadualkan siap sepenuhnya pada Jun 2014 untuk 30 agensi terpilih.



Rajah 43 : Perbezaan semasa dan selepas pelaksanaan 1GovSSO



Malis
ANUGERAH INOVASI
PERDANA MENTERI 2013
DISEMPURNAKAN OLEH:
YAB DATO' SRI MOHD NAJIB TUN ABDUL RAZAK
DEWAN PERDANA,
PUSAT KONVENSYEN ANTARABANGSA
PUTRAJAYA (PICC)
13 NOVEMBER 2013 (BARU)

Ucapan oleh YAB Perdana Menteri
Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak
di AIPM 2013
13 November 2013



YAB Perdana Menteri Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak
menyampaikan trofi kepada MERCY Malaysia selaku
Pemenang Anugerah Inovasi Perdana Menteri (AIPM) 2013

Finalis

Anugerah Inovasi ICT (AIICT) 2013





Ucapan Aluan YBhg. Datuk Wira Omar Bin Kaseh semasa Majlis Perasmian Anugerah Inovasi Sektor Awam (AISA) yang telah diadakan pada 12 September 2013 di Teluk Intan, Perak

FINALIS

ANUGERAH INOVASI ICT (AIICT) 2013


FINALIS ANUGERAH INOVASI ICT (AIICT) 2013

Anugerah Inovasi Sektor Awam (AISA) merupakan anugerah peringkat kedua tertinggi dalam struktur pengiktirafan sektor awam selepas Anugerah Inovasi Perdana Menteri (AIPM). Penganugerahan ini bertujuan untuk mengiktiraf inovasi dan pencapaian cemerlang agensi sektor awam dalam empat (4) bidang pengurusan utama iaitu Pengurusan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT), Pengurusan Kewangan, Pentadbiran Daerah dan Tanah dan Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan. Sebanyak lima (5) projek telah disenarai pendek sebagai finalis bagi bidang Pengurusan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) atau lebih dikenali sebagai Anugerah Inovasi ICT (AIICT) iaitu:

- i. Agensi *Remote Sensing* Malaysia dan Kementerian Kesihatan Malaysia – Sistem Pengurusan Wabak Denggi (SPWD) (Pemenang AIICT 2013);
- ii. Bank Simpanan Nasional - Teknologi Perbankan Ejen Bank Berdaftar (EBB);
- iii. Lembaga Perlesenan Tenaga Atom - Sistem Perlesenan dan Penguatkuasaan - eLesen;
- iv. Sekolah Kebangsaan Sena - TV Sena : Studio Multimedia dalam Pendidikan; dan
- v. Jabatan Pengairan dan Saliran - *Public InfoBanjir*.

SISTEM PENGURUSAN WABAK DENGGI (SPWD)

SPWD merupakan satu sistem yang dibangunkan oleh Agensi *Remote Sensing* Malaysia (ARSM) bersama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menggunakan teknologi *remote sensing*, *Geographical Information System* (GIS), *Global Positioning System* (GPS), ICT dan Internet. Sistem ini mengintegrasikan maklumat kejadian denggi dengan gambar satelit permukaan bumi yang terkini melalui teknologi pemetaan secara berdigit. Pembangunan SPWD telah bermula Mei 2009 dan mula digunakan pada Julai 2011 di Melaka, Pulau Pinang dan Negeri Sembilan. Sistem memplotkan kawasan denggi menggunakan SPWD adalah seperti yang ditunjukkan dalam **Rajah 44** dan **Rajah 45** manakala pemantauan *hot spot* adalah seperti yang ditunjukkan dalam **Rajah 46**.



Rajah 44 : Sistem memplotkan kawasan denggi

SPWD telah meningkatkan keberkesanan pemantauan dan pengurusan wabak denggi dengan menggunakan teknologi ICT. Kerja-kerja pemantauan dan pengurusan wabak denggi yang sistematik ini telah berupaya mengurangkan bilangan kes denggi sehingga 70%. Secara spesifik, pengoperasian sistem ini di tiga (3) buah negeri semenjak Julai 2011 telah memberikan impak berikut:

- i. Penurunan bilangan kes denggi sebanyak 55% hingga 70%;
- ii. Penurunan bilangan episod wabak denggi sebanyak 80% hingga 91%;
- iii. Penurunan bilangan lokaliti terlibat wabak denggi sebanyak 78% hingga 88%;

- iv. Penurunan bilangan wabak tak terkawal (wabak melebihi satu (1) bulan) sebanyak 5% hingga 100%;
- v. Penjimatan kos pengurusan denggi sebanyak 72% hingga 79%; dan



Rajah 45 : Sistem memplotkan kawasan denggi



Rajah 46 : Pemantauan kawasan hot spot

- vi. Memendekkan tempoh wabak daripada empat (4) minggu kepada dua (2) minggu.

Sistem ini berjaya mengautomasikan pengurusan denggi negara bagi menggantikan sistem manual yang telah digunakan sebelum ini. Kos pengoperasian dan kos pengurusan wabak denggi dapat dikurangkan antara RM700,000 hingga RM1 juta setahun.

Sehingga September 2013, SPWD telah digunakan di 13 buah negeri di seluruh Malaysia dan pengoperasian SPWD bagi negeri Sabah akan bermula pada November 2013.

TEKNOLOGI PERBANKAN EJEN BANK BERDAFTAR (EBB)

Bank Simpanan Nasional (BSN) telah memperkenalkan konsep Perbankan Tanpa Cawangan dengan menyediakan kemudahan EBB pada 27 Januari 2012. EBB menggunakan konsep perbankan tanpa cawangan bagi membolehkan ejen EBB menjalankan transaksi kewangan di premis mereka dengan mudah. Ejen-ejen bank yang dilantik, dilatih dan disediakan kemudahan asas perbankan seperti terminal *Point of Sale* (P.O.S.) bagi merealisasikan pelaksanaannya.



Pembayaran Bil Utiliti melalui Ejen Bank Berdaftar Bank Simpanan Nasional

Model EBB BSN adalah hasil gabungan teknologi terkini untuk memenuhi matlamat :

- i. Menyediakan akses perbankan;
- ii. Menyediakan saluran perbankan alternatif;
- iii. Menjimatkan kos pengurusan;
- iv. Melaksanakan tanggungjawab sosial korporat BSN (CSR); dan
- v. Meningkatkan taraf sosio-ekonomi rakyat.

Teknologi terkini EBB BSN seperti terminal *Point of Sale* (P.O.S.), *General Packet Radio Services* (GPRS), biometrik, MyKad dan Kad ATM digabungkan dengan sistem IT BSN. Gabungan teknologi ini membolehkan terminal P.O.S yang ditempatkan di premis EBB BSN dapat berfungsi untuk melaksanakan transaksi kewangan.

Urusan yang boleh dilakukan di EBB ialah deposit tunai, pengeluaran tunai, pembelian Sijil Simpanan Premium, pembayaran bil kepada lebih 30 jenis organisasi dan pembelian barang tanpa tunai (*cashless transaction*) di premis EBB dengan menggunakan kad ATM. Premis EBB adalah seperti yang ditunjukkan dalam **Rajah 47**.

Peringkat awal pelaksanaan, seramai 200 ejen telah menyertai sebagai EBB BSN, dan sehingga Oktober 2013, BSN telah mempunyai sebanyak 4800 EBB di seluruh negara.

P.O.S telah membolehkan transaksi kewangan dilaksanakan di EBB BSN malah dikembangkan dan digunakan semasa pembayaran Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M). Ia telah menyumbang kepada kebaikan rakyat, agensi, organisasi, BSN dan



Rajah 47 : Ejen Bank Berdaftar Bank Simpanan Nasional

negara dalam menyediakan akses perbankan, menyediakan saluran perbankan alternatif, penjimatan kos, meningkatkan taraf sosio ekonomi rakyat dan memelihara alam sekitar.

SISTEM PERLESENAN DAN PENGUATKUASAAN - eLESEN

Sistem eLesen yang dibangunkan oleh Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (LPTA) adalah bertujuan untuk memudahkan permohonan dan penilaian *online* sepenuhnya. Ianya merangkumi permohonan lesen, pendaftaran, kebenaran, pengiktirafan, peperiksaan dan lain-lain pengawalan terhadap pemegang lesen yang menjalankan aktiviti yang berkaitan tenaga atom seperti mengimport dan mengeksport bahan radioaktif, pengilangan bahan radioaktif, radas penyinaran dan sebagainya. Ia telah mula digunakan sejak 2 Januari 2012. Sistem eLesen boleh dicapai di url: <https://elesen.aelb.gov.my> seperti yang ditunjukkan dalam **Rajah 48**.

Sistem ini telah membantu LPTA dalam mempercepatkan penyemakan dan pemprosesan permohonan lesen kerana semua urusan dilakukan *online*. Selain itu, pemohon juga boleh mengetahui status permohonan melalui sistem ini tanpa hadir ke kaunter.

Melalui sistem ini, segala proses permohonan, penilaian serta pengeluaran lesen dan lain-lain kebenaran akan dapat dilakukan dengan lebih mudah, cepat, dan berkesan.

Firefox - thanks_daftar
https://elesen.aelb.gov.my/esppuser/daftar_pemegang_lesen.aspx
Most Visited Getting Started Latest Headlines

mosti AELB **SISTEM PERLESENAN & PENGUATKUASAAN**
ATOMIC ENERGY LICENSING BOARD

• Perhatian : Sila masukkan maklumat yang sah untuk pendaftaran ini.

Nama Syarikat
No Lesen **LPTA/A/**
Nama Wakil Syarikat
No Kad Pengenalan/Passport
- Sila masukkan emel yang sah. Emel ini akan digunakan untuk urusan pengaktifan akaun -
Email
HANTAR

[Ke [Laman Utama](#)]

Rajah 48 : Sistem eLesen

TV SENA : STUDIO MULTIMEDIA DALAM PENDIDIKAN

TV Sena yang telah dibangunkan sejak tahun 2009 oleh Sekolah Kebangsaan Sena, Kangar, Perlis merupakan program penerbitan bahan video berdasarkan kaedah produksi profesional dalam kalangan murid sekolah rendah. Infrastruktur utama yang disediakan untuk pelaksanaan TV Sena ialah sebuah studio televisyen sekolah dan sebuah makmal pemprosesan multimedia yang menggunakan Perisian Sumber Terbuka sepenuhnya.

Projek ini melibatkan kerjasama strategik dengan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak, Kerajaan Negeri Perlis, Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh dan Sekolah Kecemerlangan (BPSBPSK), Kementerian Pelajaran Malaysia dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (Pejabat Wilayah Utara).

Sehingga kini, terdapat lebih 70 video telah diterbitkan oleh kru MEDIASENA yang mengendalikan TV Sena. Semua produk tersebut boleh dilayari dalam Galeri Video Laman Web Rasmi SK Sena di alamat <http://www.sksena.edu.my>. Video-video tersebut diterbitkan dalam beberapa format seperti berikut:

- i. Berita (Buletin CyKidzCRAZE dan Perspektif MEDIASENA);
- ii. Drama;
- iii. Dokumentari;
- iv. Laporan Khas;
- v. Temu bual; dan
- vi. Rancangan Kanak-Kanak (Ceria Bersama CyKidzCRAZE).



Pelaksanaan TV Sena telah memberikan impak yang besar kepada murid-murid yang terlibat. Murid-murid telah menunjukkan minat yang amat memberangsangkan apabila melaksanakan tugas masing-masing di dalam dan di luar sekolah. Mereka mampu mengendalikan latihan kepada peserta yang lebih dewasa dan mempunyai keyakinan diri semasa berinteraksi dengan pelbagai pihak.



Kru TV Sena sedang mengadakan sesi temu ramah

PUBLIC INFOBANJIR

Public Infobanjir telah dibangunkan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran sebagai sistem penyampaian maklumat amaran awal banjir kepada orang awam dan telah disiapkan sepenuhnya pada 21 Oktober 2011.

Pendekatan baharu dalam penyampaian maklumat dalam aplikasi *Public Infobanjir* adalah menerusi data yang diproses dan dianalisis secara *real time*, 24 jam sehari yang dipaparkan dalam peta grafik supaya mudah difahami oleh orang awam. Peta grafik akan memaparkan kawasan-kawasan yang mencatatkan bacaan melebihi paras amaran dan bahaya bagi aras air sungai atau hujan seperti yang ditunjukkan dalam **Rajah 49**. Paparan kawasan banjir melalui kamera dalam *Public InfoBanjir* pula ditunjukkan seperti dalam **Rajah 50**.




Rajah 49 : Maklumat paras amaran dan bahaya bagi aras air sungai atau hujan dalam *Public InfoBanjir*

Pembangunan sistem ini juga adalah selaras dengan hala tuju pengurangan bencana antarabangsa melalui Rangka Kerja Hyugo 2005-2015 yang menyarankan "Pembangunan sistem amaran awal yang bertumpu kepada kepentingan orang ramai, atau lebih tepat lagi, sistem amaran yang tepat dan mudah difahami oleh mereka yang hidup dalam risiko bencana termasuk bimbingan mengenai tindakan yang harus diambil apabila amaran dikeluarkan."

Public Infobanjir juga telah menjadi satu platform rujukan oleh agensi Kerajaan yang lain seperti Majlis Keselamatan Negara (MKN). Ini membolehkan pemantauan dilakukan secara efektif semasa musim banjir dan bantuan serta gerakan penyelamat dapat diselaraskan dengan baik oleh agensi berkaitan.

Daripada November 2011 sehingga Februari 2013, lebih 1.9 juta data-data hidrologi telah diperolehi daripada stesen-stesen hidrologi seluruh negara dan diproses serta dihebahkan secara *real time* kepada orang awam dan agensi-agensi yang terlibat. *Public* InfoBanjir boleh dicapai di alamat <http://infobanjir.water.gov.my>.



Rajah 50 : Paparan kawasan banjir melalui kamera dalam *Public* InfoBanjir





YBhg. Tan Sri Dr. Ali Hamsa,
Ketua Setiausaha Negara
melawat ke pameran MAMPU
sempena Anugerah Inovasi
Sektor Awam (AISA) 2013
12 September 2013



Program Lawatan Kerja TYT Cho
Byungjae, Duta Besar Republik Korea
ke MAMPU
14 Oktober 2014



YB Datin Norsabrina binti Mohd Noor,
Pengerusi Jawatankuasa Komunikasi,
Teknologi Maklumat dan Teknologi Tinggi
menandatangani buku pelawat di booth
MAMPU sempena Karnival Jalur Lebar,
Kulim, Kedah.
28 September 2013.

**Program-
Program
Promosi**



Aduan lebih cepat

■ Aplikasi myKPDNKK sedia enam perkhidmatan utama

Oleh Siti A'lyah Subaini
sitiaalyah@madaprima.com.my
Putrajaya

Pengguna kini boleh membuat sebarang aduan dan laporan mengenai isu keputusannya dengan cepat menerusi penganalan aplikasi mudah alih terbaru 'myKPDNKK' yang boleh dimuat turun menerusi telefon pintar dan tablet.

KPDNKK menjadi kementerian pertama yang memperkenalkan aplikasi menerusi telefon pintar.

Hasan Malek

Menurutnya, aplikasi berkenaan boleh dimuat turun melalui 'App Store' dan 'Google Play' bagi pengguna yang menggunakan sistem operasi Android, manakala pengguna BlackBerry, iOS serta Microsoft Windows boleh memuat turun selepas ia diperkenalkan tidak lama lagi.

"Melalui aplikasi ini, sebarang enam perkhidmatan utama disediakan iaitu modal pengguna, perisaja, Maklumb Koperasi Malaysia

(MKM), Memu Rakyat Malaysia (MRIM), Kesatuan Malaysia (KRIM) dan 'PhycNasek' yang membolehkan pengguna memeriksa harga semasa barang harian.

"KPDNKK menjadi kementerian pertama yang memperkenalkan aplikasi menerusi telefon pintar. Kita berharap rakyat dapat memanfaatkan aplikasi yang disediakan oleh kita."

Kata pada sidang media selepas melancarkan aplikasi mudah alih 'myKPDNKK' di sini semalam. Hadir sama, timbalan Datuk Ahmad Basah Hanipah dan Ketua Usaha KPDNKK Datuk ripuddin Kasim.

Antara kemudahan KPDNKK ialah membolehkan pengguna membuat status aduan, pertanyaan dan tuntutan pengguna.

modul pengguna yang didatangkan aplikasi itu.



ONIS 1MALAYSIA

telefonis yang bertugas di Pusat Panggilan 1Malaysia (1MOCC) bergambar selepas majlis Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak di Putrajaya, semalam. - UTUSAN/HANAFI KHAMIS

2 NASIONAL

ESN 12 NOVEMBER 2012 BH

Pusat Panggilan 1Malaysia dilancar

» Inisiatif permudah rakyat kemuka aduan, pertanyaan

Oleh Syed Azwan Syed Ali
syedazwan@bharian.com.my

Kuala Lumpur

Kerajaan melancarkan Pusat Panggilan 1Malaysia (1MOCC), iaitu

Malaysia (MAMPU), 1MOCC membolehkan orang awam mengemukakan sebarang pertanyaan, aduan atau cadangan kepada pelbagai agensi kerajaan menerusi telefon menggunakan nombor rujukan tunggal 09 8000 8000.

Pelancaran 1MOCC yang juga projek National Flagship di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan akan disempurnakan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak di Dewan Seri Santian, Perbadanan Putrajaya, petang ini.

Operasi 24 jam
Ketua Pengarah MAMPU, Da-

operasi 24 jam setiap hari akan memudahkan rakyat berkomunikasi dengan kerajaan, selain menambah baik sistem penyampaian perkhidmatan awam melalui penggunaan nombor rujukan tunggal.

"Rakyat dapat berhubung dengan pelbagai agensi kerajaan melalui satu nombor tunggal menerusi telefon, khidmat pesanan ringkas (SMS), faks, e-mel dan media

Bagi setiap aduan, pertanyaan dan cadangan akan lurkan kepada at penyelesaian ggal"

Amad Zabidi Zainal, Pengarah MAMPU

sonial. Bagi setiap aduan, pertanyaan dan cadangan akan disalurkan kepada pusat penyelesaian tunggal," katanya semalam.

Difahamkan, proses ujian bagi nombor rujukan tunggal 1MOCC dijalankan sejak kelmarin sebelum dilancarkan secara rasmi oleh Perdana Menteri petang ini.

Jimat kos
Selain memudahkan rakyat berkomunikasi dengan agensi kerajaan, 1MOCC antara lain menjimatkan kos melalui pembatalan talian terus antara agensi kerajaan dan meningkatkan kerjasama strategik antara agensi kerajaan bagi memaksimumkan penggunaan sumber merentas agensi.

Mohamad Zabidi berkata, fasa pertama 1MOCC dilaksanakan secara perintis membatalkan 21 agensi kerajaan merangkumi Jabatan Perdana Menteri dan agensi di bawahnya, Jabatan Imigresen, Jabatan Pengangkutan Jalan dan Jabatan Pendaftaran Negara.

Fasa kedua akan merangkumi semua jabatan dan agensi kerajaan di Putrajaya, manakala fasa ketiga membatalkan jabatan dan agensi kerajaan secara keseluruhan.

Projek 1MOCC bakal diperluaskan ke Labuan

PROJEK 1Malaysia One Call Centre (1MOCC) bakal diperluaskan di Wilayah Persekutuan Labuan selepas satu kajian dilaksanakan.

Ketua Pengarah MAMPU, Datuk Wajid Omar Kasbi, berkata pemilihan Wilayah Persekutuan Labuan adalah untuk menyokong hala tuju pembangunan Labuan secara bersepadu termasuk dalam konteks pertumbuhan ekonomi dalam bidang minyak dan gas, perkhidmatan kewangan, pelaburan dan pelancongan. Katanya, selain dengan kerjasama masa kini, inisiatif 1MOCC akan diperluaskan ke Labuan bermula dengan aktiviti kajian kesediaan pelaksanaan projek kerjasama Perbadanan

Labuan. Beliau berkata kajian itu akan menghasilkan laporan kajian kesediaan, isu-isu semasa dan mencadangkan penyelesaian kepada isu-isu pengurusan, teknologi dan sumber manusia bagi pelaksanaan perluasan 1MOCC.

"Kajian itu juga menganalisis cadangan skop pelaksanaan perluasan 1MOCC meliputi agensi kerajaan dan cadangan model perluasan pelaksanaan 1MOCC ke Wilayah Persekutuan Labuan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis perasmian bengkel kajian kesediaan perkhidmatan pelaksanaan projek 1MOCC di Wilayah Persekutuan

Labuan di Dewan Theatre, Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL), kelmarin.

Turut hadir Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan, Datuk Mohd Nadri Osman dan Timbalan Pengarah UMSKAL, Dr Geoffrey Harvey Tanakinal.

Bengkel kajian tersebut akan diadakan pada 30 September hingga 2 Oktober di makmal UMSKAL yang akan dihadiri kira-kira 70 wakil jabatan dan agensi kerajaan yang beroperasi di Wilayah Persekutuan Labuan.

Omar berkata 1MOCC merupakan single point of contact untuk memudahkan komunikasi orang awam



OMAR (kanan) menerima cenderamata daripada Nadri dipertihatkan Dr Geoffrey (kiri).

dengan agensi kerajaan serta menambahkan sistem penyampaian perkhidmatan

kerjasama melalui penggunaan satu nombor tunggal iaitu 09-8000-8000.



OMAR (tengah, tengah) diagiti Nadri (kanan) dan Dr Geoffrey bersama wakil jabatan dan agensi kerajaan yang menghadiri majlis perasmian Bengkel 1MOCC di UMS Labuan.

Entulu ramps up efforts

Minister seeks to recruit more locals for positions in state civil service

Fasa kedua 1MOCC babit 25 kementerian

Kuala Lumpur: Pusat Panggilan 1Malaysia, atau 1Malaysia One Call Centre (1MOCC), kini memasuki fasa dua dengan pembabit 25 kementerian mulai hari ini.

Menurut kenyataan Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), fasa satu 1MOCC di-tahap lalu merangkumi sejak November Menteri, Jabatan Imigresen, Jabatan Perdana ngangkutan Jalan, Perbadanan Putrajaya serta 21 agensi lain di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Kenyataan itu menjelaskan 1MOCC satu projek Kebangsaan Negara di bawah Strategi Lautan Biru yang bertujuan memungut agensi kerajaan melalui konsep pang-dilan setempat.

"1MOCC membolehkan orang awam un-tuk mengemukakan sebarang pertanyaan, aduan atau cadangan kepada pelbagai agensi kerajaan menggunakan satu nom-bor rujukan tunggal, 03-8000 8000," me-nurut kenyataan itu.

BERNAMA



Over to you: MIB director-general Gursing Ayem (left) receiving documents of his board's ICT infrastructure upgrading project from Mampu director-general Datuk Wira Omar Khasul, witnessed by Entulu (centre) in Kuching.

"She didn't know what to do as she had never been to Sarawak before. The next day, she packed up and went straight back, demanding that she did not want to be posted there," he said after witnessing an exchange of documents on consultancy services between the Malaysian Administrative Modernisation and Management Planning Unit (MAMPU) and Malaysian Pepper Board (MPB) ICT centre near Jalan Utama here yesterday.

Entulu, who is in charge of MAMPU, also highlighted complaints from many teachers whose applications to be transferred to be together with their spouses or children, were not approved.

He said the main reason for this was that there was not enough allocation for the transfer process.

"Of course there is no panacea to all these problems but this (localised recruitment) could substantially ease them," he said.

Another area that Entulu was in charge of that would greatly benefit the state was the monitoring and coordination of "Aku Janji" projects announced by Prime Minister Datuk Seri Najib Tun Razak and his deputy Tan Sri Muhyiddin Yassin during their nationwide walkabouts and visits between 2011 and last year.

Entulu, who is also Selangau MP, was previously the Deputy Rural and Regional Development Minister.

laboration good for govt agencies to move forward

"I am confident when there is a good new system to serve clients, including smallholders and big players, both parties can communicate faster and more precisely," he said after witnessing the exchange of consultancy services documents on upgrading the Malaysian Pepper Board (MPB) ICT centre near Jalan Utama here yesterday.

The partnership would see Mampu providing consultancy services to MPB on improving the latter's ICT system to better serve its customers,

who are comprising small-time pepper farmers as well as big stakeholders.

"Mampu has done an analysis on MPB's data centre and network management, which saves the board RM17,000 of costs against those charged by a private agency. We hope with such cooperation, MPB would expand its ICT usage as one of the strategic moves to improve its services."

He also said through the new system, MPB clients would be able to

get better pricing and services.

"I hope this move would be received positively so that other agencies would follow suit and at the same time, it would enable clients to increase their income."

Highlighting the initiative as the first for a government agency in Sarawak to engage with Mampu through a government-to-government (G2G) partnership, Entulu hoped that it would set a precedence for other public bodies in the state.

54 NEWS The Star, Sarawak, SATURDAY 3 AUGUST 2013

Public services delivery via mobile

Move in keeping with 140% penetration rate in Malaysia, says Mampu official

By JAMES CHONG
Kuching Correspondent

The Mampu ICT centre is currently in the process of upgrading its system to enable it to deliver public services via mobile devices. This move is in keeping with the 140% penetration rate in Malaysia, says Mampu official.

The Mampu ICT centre is currently in the process of upgrading its system to enable it to deliver public services via mobile devices. This move is in keeping with the 140% penetration rate in Malaysia, says Mampu official.



Support staff (left) and officials (right) are seen at the Mampu ICT centre, Kuching.

The Mampu ICT centre is currently in the process of upgrading its system to enable it to deliver public services via mobile devices. This move is in keeping with the 140% penetration rate in Malaysia, says Mampu official.

The Mampu ICT centre is currently in the process of upgrading its system to enable it to deliver public services via mobile devices. This move is in keeping with the 140% penetration rate in Malaysia, says Mampu official.



Support staff (left) and officials (right) are seen at the Mampu ICT centre, Kuching.

The Mampu ICT centre is currently in the process of upgrading its system to enable it to deliver public services via mobile devices. This move is in keeping with the 140% penetration rate in Malaysia, says Mampu official.

The Mampu ICT centre is currently in the process of upgrading its system to enable it to deliver public services via mobile devices. This move is in keeping with the 140% penetration rate in Malaysia, says Mampu official.

The Mampu ICT centre is currently in the process of upgrading its system to enable it to deliver public services via mobile devices. This move is in keeping with the 140% penetration rate in Malaysia, says Mampu official.

The Mampu ICT centre is currently in the process of upgrading its system to enable it to deliver public services via mobile devices. This move is in keeping with the 140% penetration rate in Malaysia, says Mampu official.

PAGE 24 | NEW STRAITS TIMES

NATION

1MTC will optimise training facilities

PUTRAJAYA: The government has introduced 1Malaysia Training Centre (1MTC) to optimise the use of existing resources and training facilities.

It is also aimed at improving the delivery of government services, the Malaysian Administrative Modernisation and Management Planning Unit (MAMPU) said.

The move was inspired by Prime Minister Datuk Seri Najib Razak, under the National Blue Ocean Strategy, it said.

In a statement, MAMPU said that the centre would indirectly help make strategic decisions related to the use of public training facilities.

The initiative is led by MAMPU and the Economic Planning Unit with several strategic partners, such as the Finance Ministry, Prime Minister's Department and Public Service Departments.

Other partners include the defence, rural and regional development, human resources, and youth and sports ministries.

Also involved is the One Malaysia for Youth (1MAU) set-up.

The 1MTC will be launched by the prime minister in March.

The first phase of the initiative will be implemented under a pilot project at the National Institute of Public Administration (or Inspan), Judicial and Legal Training Institute (or Ilkap), National Institute of Valuation (or Inspan), Malaysia Islamic Training Institute (or Ilm) and Centre for Instructor and Advanced Skill Training.

Phase two of the initiative is expected to cover more centres.

MAMPU said further information was available at the 1MTC online portal at www.1mtc.gov.my.

The Mampu ICT centre is currently in the process of upgrading its system to enable it to deliver public services via mobile devices. This move is in keeping with the 140% penetration rate in Malaysia, says Mampu official.

The Mampu ICT centre is currently in the process of upgrading its system to enable it to deliver public services via mobile devices. This move is in keeping with the 140% penetration rate in Malaysia, says Mampu official.




myGov Mobile

Perkhidmatan Mobile Kerajaan Malaysia

Objektif myGov Mobile

- Mempermudahkan rakyat berinteraksi dengan:
- Menasihatkan pemerkasa awam (zero-to-zero interaction).
- Mengedukasi polis dan amalan green IT.
- Meningkatkan literasi "One Government Many Agencies" dan "No Wrong Door Policy".
- Memudahkan rakyat mempergunakan dan mengubah kos perkhidmatan oleh agensi Kerajaan.
- Menyediakan akses perkhidmatan perengsaan, munisipal dan lokal memberikan kepada orang nenas.













mygov.gov.my

www.mymobile.gov.my

Matlabis B Rangsang | 31 mase jay, setiap mas




mygov.gov.my



KINI SATU NOMBOR PERHUBUNGAN
UNTUK SEMUA KEMENTERIAN

03 8000 8000

Mocc

1 MALAYSIA, ONE CALL CENTRE

HUBUNGI **mocc**

- +63-8000 8000
- +63-8000 8000
- +63-8000 8001
- 900000000@mocc.gov.my
- facebook.com/myGovernment
- twitter.com/mysgovmy
- www.malaysia.gov.my

PENERANGAN
AMPU
JALAN SIKAP BERTAMBAH

BANKA STRATEGI

Wf **A** **TM**

Kerajaan Elektronik 2013 ■

TEMUBUAL TELEVISYEN/RADIO



Wawancara Bersama YBhg. Datuk Wira Omar bin Kaseh, Ketua Pengarah MAMPU dan Tuan Shahril Dato' Ismail, Pegawai Daerah Hilir Perak di Astro Awani sempena AISA 2013





Sesi Wawancara Radio Televisyen Malaysia (RTM) bersama YBhg. Dato' Dr. Nor Aliah Zahri, Timbalan Ketua Pengarah (ICT) tentang inisiatif 1MOCC, pada 10 Disember 2012



Kapsul RTM 1MOCC pada 22 Mac 2013



Sesi Wawancara Selamat Pagi 1Malaysia bersama YBhg. Dato' Dr Mazlan Yusoff, Timbalan Ketua Pengarah (PT) MAMPU tentang inisiatif 1MOCC pada 3 Mei 2013



Wawancara bersama YBhg. Dato' Dr. Mazlan bin Yusoff, Timbalan Ketua Pengarah (PT) MAMPU tentang Anugerah Inovasi Perdana Menteri 2013 (AIPM 2013) pada 7 November 2013 dalam rancangan Selamat Pagi 1Malaysia di TV1





Wawancara Radio Malaysia Nasional fm tentang *Government Regional Electronic Advancement Transformation (G.R.E.A.T.)* dengan YBhg. Datin Maimon binti Sulaiman, Pengarah Bahagian eKL, MAMPU



Wawancara radio tentang Anugerah Inovasi Perdana Menteri 2013 (AIPM 2013) bersama En. Kalisbakaran Muniandy, Pengarah Bg. Inspektorat & Pengiktirafan MAMPU



Sidang media penganturan Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah CAPAM, *General Members Meeting* dan Forum Serantau CAPAM di Kuching, Sarawak pada 27 - 30 Oktober 2013



Temubual wartawan BERNAMA bersama YBhg. Datuk Wira Omar bin Kaseh, Ketua Pengarah MAMPU tentang Anugerah Inovasi Perdana Menteri 2013 (AISA 2013) di Pejabat Ketua Pengarah MAMPU, Putrajaya pada 11 November 2013



Sesi Wawancara Bersama Dr. Sapiah Sakri, Pengarah Bahagian Dasar dan Perancangan ICT di TraxxFM pada 29 November 2012

Sesi Wawancara KLfm bersama Encik Danial Ma'alip, Timbalan Pengarah Bahagian Pembangunan dan Pengurusan EG dan Puan Norehan Abdul Aziz, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pembangunan dan Pengurusan EG pada 7 Mac 2013



Sesi Wawancara Bersama Encik Wong Kon Ping, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pembangunan dan Pengurusan EG di KLfm pada 11 April 2013



PROGRAM-PROGRAM PROMOSI



Pameran Jom
Mudahnya *Online* Edisi Jelebu
pada 22 - 23 Feb 2013





Moh Kita
Online Edisi
Manjung
pada
23 Mac 2013



Pameran
MAMPU di
Karnival
Kerajaan
Elektronik &
Inovasi Negeri
Kelantan (KEIK)
2013 di KB Mall,
Kota Bharu,
Kelantan
pada
17 - 19 Jun 2013



Pameran MAMPU di Festival Belia
Putrajaya sempena sambutan Hari Belia
Negara pada 23 - 26 Mei 2013



Sesi Engagement
bersama agensi
bagi Migrasi
Government Unified
Communication
pada 23 Julai 2013



Pameran Online,
Mudahnya! Edisi
Selangau, Sarawak
pada 28 September 2013



Karnival Jalur Lebar, Kulim Kedah
pada 28 September 2013





Pameran Online, Mudahnya! Edisi Melaka pada 23 November 2013



Lawatan delegasi
Pegawai Kanan
Bangladesh untuk
mempelajari
pelaksanaan dasar-
dasar ICT sektor
awam di Malaysia
pada 4 April 2013



Lawatan delegasi
Pegawai Kanan Sri Lanka
untuk mempelajari
pelaksanaan Kerajaan
Elektronik di Malaysia
pada 2 Mei 2013





Lawatan delegasi
National School of
Public Policy, Lahore
Pakistan untuk
mempelajari
pelaksanaan dasar-
dasar ICT di Malaysia
pada 6 Jun 2013

Lawatan delegasi
Pejabat Perdana
Menteri Nepal untuk
mempelajari
pelaksanaan Kerajaan
Elektronik di Malaysia
pada 21 Jun 2013





Lawatan delegasi Universiti Chuo, Jepun untuk mempelajari pelaksanaan Kerajaan Elektronik di Malaysia pada 17 September 2013





Lawatan delegasi Setiausaha kepada Presiden Sri Lanka untuk mempelajari pelaksanaan dasar-dasar ICT Kerajaan di Malaysia pada 18 September 2013

Penghargaan **EG**

MAMPU

**ingin mengucapkan terima kasih dan
merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada
semua pihak yang telah membantu dalam
menjayakan penerbitan
Buku EG 2013**



Unit Pemodenan Tadbiran dan
Perancangan Pengurusan Malaysia
Aras 6, Blok B2
Kompleks Jabatan Perdana Menteri
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 Putrajaya
Malaysia

www.mampu.gov.my